



MALAYSIA

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1701]

USUL:

Penyata Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara (Bil. DN. 1 Tahun 1973) [Ruangan 1709]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulanwang Simpanan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 1710]

Rang Undang-undang Pinjaman Luar Negeri (Pindaan) [Ruangan 1713]

Rang Undang-undang Lanjutan Kredit (Pindaan) [Ruangan 1722]

Rang Undang-undang Eksais (Negeri-negeri Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah) (Pindaan) [Ruangan 1723]

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 1725]

Rang Undang-undang Bank [Ruangan 1727]

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 1754]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) [Ruangan 1763]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 19hb Februari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Dilantik).
- ” Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- ” TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- ” TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- ” DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- ” PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- ” TUAN AMALUDDIN BIN D'ARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- ” TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- ” DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- ” DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- ” TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K., P.M.K. (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

- " DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- " TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- " TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- " TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- " TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- " TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- " DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- " DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- " Tuan G. LOUIS (Dilantik).
- " DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kedah).
- " TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- " DATUK MANSUR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- " AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
- " TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- " TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- " DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- " DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P. Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- " TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- " TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Perak).
- " Datuk Temenggong Oyong Lawai Jau, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- " TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- " DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- " WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- " DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- " TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- " DATUK S. O. K. UBAIDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- " TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- " TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- " TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIADA HADIR:

Yang Berhormat TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, **DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).**
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, **Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).**
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).**
- „ Timbalan Menteri Kewangan, **TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, **TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).**

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**RAMPAS KAPALTERBANG/
TURUNKAN TAMBANG/BANGUNAN
JABATAN PERHUBUNGAN DI IPOH**

1. Tuan Wong Seng Chow (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) memandangkan bahawa kejadian merampas kapalterbang di negara-negara lain menyebabkan ancaman yang serius kepada penumpang-penumpang, adakah Kerajaan akan mengambil tindakan bagi menentukan supaya kejadian seperti itu tidak akan berlaku di negara kita;
- (b) memandangkan bahawa MAS telah mendapat keuntungan berjuta-juta ringgit dalam tahun 1972, samada MAS telah menurunkan atau bercadang untuk menurunkan kadar tambangnya; dan
- (c) bilakah Kementerian ini akan membina sebuah bangunan bagi Jabatan Perhubungan di Ipoh dan nyatakan anggaran belanjanya.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Kerajaan mengambil berat dan mengadakan semua langkah-langkah keselamatan bagi mencegah ancaman-ancaman “hijacking” terutama sekali di Lapangan-lapangan Terbang Antarabangsa. Selain dari itu syarikat-syarikat penerbangan yang mengadakan perkhidmatannya ke Malaysia juga mengadakan pemeriksaan ketat dan langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya terhadap semua penumpang yang menaiki kapalterbang mereka.
- (b) Keuntungan hampir sejuta ringgit yang didapati oleh Syarikat MAS ialah keuntungan bagi tahun kewangannya iaitu dalam tempoh 3hb April, 1971 hingga 31hb Mac, 1972. Ini berarti bahawa keuntungan itu didapati dari punca-punca lain dan tidak daripada perkhidmatan MAS dalam negeri kerana MAS mulai perkhidmatannya pada 1hb Oktober, 1972. Kadar tambang yang dikenakan bagi perkhidmatan-perkhidmatan MAS ialah berasas pada kadar tambang yang dikenakan oleh Syarikat dahulu yang telah dilakukan setelah membuat kajian teliti. MAS sendiri akan mengkaji semula kadar tambang pada ketika yang sesuai.
- (c) Saya tidak faham apa yang dimaksudkan dengan “Jabatan Perhubungan”. Kementerian ini tidak ada mempunyai Jabatan sedemikian dalam organisasinya.

Tetapi sekiranya apa yang dimaksudkan ialah Jabatan yang bertanggungjawab mengenai perhubungan seperti Pengangkutan Jalan, Talikom, Pos, Keretapi dan seterusnya, tiap-tiap jabatan ini memang sudah ada cawangan-cawangan pejabatnya di Ipoh.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan. Ini bukan "Jabatan Perhubungan", tetapi Pejabat R.I.M.V. Adakah atau tidak rancangan membina satu bangunan R.I.M.V. di Ipoh?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain daripada yang ditanya.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Berhubungan dengan jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan kepada soalan (b) dalam soalan No. 1. Saya ingin mengetahui kenyataan yang dikeluarkan mengatakan MAS akan menimbangkan bila tiba masa yang sesuai untuk menurunkan tambang itu bilakah agaknya, oleh kerana kita hanya mempunyai satu syarikat kapal terbang, kalau ada dua syarikat maknanya tidak ada monopoli. Jadi, bolehkah Timbalan Menteri beri penjelasan bila masa yang sesuai itu?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, masa yang sesuai makna boleh jadi bulan akan datang, boleh jadi tiga tahun akan datang, masa sesuai bagi pihak MAS menimbangkan keadaan yang ada dan keadaan syarikat itu dan masa yang sesuai syarikat itu akan timbangkan.

ASAP HITAM—TINDAKAN ATAS PEMANDU KERETA

2. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ini ke atas pemandu-pemandu kereta yang memecut sangat laju dan kereta-kereta yang mengeluarkan asap hitam di jalanraya.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan Polis adalah sentiasa menguatkuasa undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan memandu lebih daripada had laju yang dibenarkan dan juga kenderaan yang

mengeluarkan asap hitam dengan banyaknya di jalanraya.

Dalam persidangan Dewan Rakyat tempuh hari saya telah mengemukakan Rang Undang-undang dan Pindaan Rang Undang-undang itu telahpun diluluskan. Di antara lain pindaan itu ialah mengesyurkan pindaan Undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan memandu lebih daripada had laju yang dibenarkan. Pindaan ini bukan sahaja bertujuan meninggikan hukuman denda, dan menggantungkan lesen pemandunya tetapi juga bertujuan mengenakan hukuman ke atas tuan punya kenderaan dengan menggantungkan lesen kenderaan perdagangan mereka.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat juga akan menyokong rang undang-undang tersebut supaya perbuatan lari deras dan lain-lain perbuatan yang boleh menyebabkan kemalangan di jalanraya akan dapat dikurangkan.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Dengan cara apakah membuktikan kereta-kereta yang mengeluarkan asap hitam di jalanraya. Misalnya, kereta-kereta apabila bertolak memakai gear satu, gear dua dan gear tiga mestilah mengeluarkan asap hitam. Bolehkah itu dikatakan kereta-kereta yang mengeluarkan asap hitam, hukunya salah dan kena denda?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan itu terlampau teknikal, saya minta notis.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di Pertua, kalau asap hitam keluar banyak itu salah, sebabnya ada dua: yang pertama, kerana mechanical tidak elok dan yang kedua minyak itu busuk. Kalau kita denda drebar sahaja adalah anianya kalau orang yang jual minyak busuk itu sama didenda. Adakah Kerajaan akan denda orang ini sama?

Tuan Yang di Pertua: Apa pertanyaan Yang Berhormat?

Tuan Abdul Samad bin Osman: Orang yang menjual minyak busuk tidak didenda sama, cuma drebar sahaja didenda.

Tuan Yang di Pertua: Adakah orang yang menjual minyak itu hendak didenda sama?

Tuan Abdul Samad bin Osman: Ya.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, itu soal lain.

Tuan Yeap Kheng Yam: Satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Perhubungan di Dewan ini pada minggu yang lepas bahawa tiap-tiap teksi mesti diperiksa enam bulan sekali keadaannya samada atau tidak mengeluarkan asap hitam. Langkah itu diambil oleh Kerajaan adalah baik untuk menjaga keadaan teksi, maka satu masaalah telah berlaku di bandar Ipoh, baharu-baharu ini bahawa adalah beberapa buah teksi setelah diperiksa oleh Pejabat R.I.M.V., Ipoh, Perak dengan memuaskan dengan keadaan teksi-teksi itu dilekatkan satu label kelulusan peperiksaan, tahan enam bulan di cermin kereta teksi itu pada masa pagi. Akan tetapi, malangnya teksi-teksi yang berkenaan itu telah juga ditangkap oleh Polis Trafik pada masa tengah hari. Bila Polis tahan kereta teksi dia tekan kuat-kuat minyak kereta teksi itu dan nampak asap hitam keluar daripada exhaust paipnya, dia kena denda sebanyak \$50 tanpa diberi amaran.

Soalan yang saya hendak tahu, siapakah yang berkuasa memeriksa keadaan kereta-kereta dan teksi-teksi dan meluluskan sijil sihat kepada kereta-kereta tuan punya, adakah R.I.M.V. atau Trafik Polis?

Tuan Lee San Choon: Itu soalan lain. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu boleh memberi butir-butir kepada saya, saya sanggup siasat atas perkara ini.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di Pertua, saya tidak puas hati dengan jawapan Menteri itu. Katanya soalan tambahan ini tidak ada kena-mengena dengan soalan itu. Saya kata kena-mengena. Saya bacakan soalan asalnya :

“2. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ini ke atas pemandu-pemandu kereta yang memecut sangat laju dan kereta-kereta yang mengeluarkan asap hitam di jalanraya.”

Saya kata kalau kereta itu mengeluarkan asap hitam, kalau kita denda kepada pemandu sahaja adalah tak patut, patutlah

didenda sama dengan orang yang menjual minyak itu.

Tuan Yang di Pertua: Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan yang beliau berkehendakkan notis supaya ia dapat menjawabnya.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Kalau minta notis tak apa. Tadi katanya tak kena-mengena.

Dr Mahathir bin Mohamed: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Pada suatu ketika Kerajaan mengarah dan memberi kuasa kepada Pegawai-pegawai Division I supaya mereka dapat menahan ataupun mengambil tindakan ke atas siapa juga yang melarikan kereta dengan sangat laju, adakah arahan ini masih berkuat-kuasa dan adakah Kerajaan berpendapat bahawa arahan yang semacam ini dapat mencegahnya lari laju di jalan-jalanraya?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, arahan ini masih berjalan kuat-kuasa lagi. Dan untuk soalan yang kedua, saya minta notis atas jawapan itu.

Dr Mahathir bin Mohamed: Soalan tambahan. Kalau arahan ini masih berkuat-kuasa di waktu mula-mulanya kita selalu mendengar berkenaan dengan pegawai-pegawai yang melapurkan tentang orang yang melarikan kereta dengan begitu laju, tetapi selama dua tiga tahun yang lepas ini kita tidak dengar sama sekali, adakah ini oleh kerana tidak ada kejadian yang semacam itu, ataupun kalau mereka membuat laporan sekali pun, maka ini tidak mendatangkan suatu faedah kepada Kerajaan?

Tuan Lee San Choon: Ada juga kereta-kereta yang kena dihukum atas laporan seperti yang disebutkan tadi. Jikalau Yang Berhormat Dr Mahathir hendak tahu butir-butirnya, saya minta Yang Berhormat itu membuat soalan lain dan saya akan menjawabnya.

PONDOK TALIPON AWAM

3. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa Kampung Baru Pedas, Tanah Merah, Beranang dan Pantai di Negri

Sembilan tidak mempunyai pondok talipon awam, jika ya, bilakah talipon-talipon awam dapat dipasang di kawasan-kawasan itu.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, Program untuk pondok Talipon Luar Bandar adalah dibuat oleh Pejabat Pembangunan Negeri dan Perkhidmatan adalah diberi oleh Jabatan Talikom berdasarkan atas keutamaan dan harganya. Berkenaan dengan pondok-pondok talipon awam bagi kawasan-kawasan yang dibentangkan oleh Tuan Wong Seng Chow, tidak ada cadangan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi mendirikan pondok-pondok talipon awam bagi Kampung Baru Pedas, Kampung Ulu Beranang dan Pantai oleh sebab pada masa sekarang ada terdapat pondok-pondok talipon awam yang berdekatan. Pondok-

pondok talipon awam yang berhampiran dengan kawasan-kawasan ini adalah seperti berikut:

- (1) Kampung Pedas; pondok talipon awam yang berdekatan ialah di Rembau (26711), 2 batu jauhnya.
- (2) Kampung Ulu Beranang; pondok talipon awam yang berdekatan ialah di Mantin (255) Kampung Lenggang, 3 batu jauhnya.
- (3) Kampung Pantai; pondok talipon awam yang ada sekarang ialah di Seremban berhampiran dengan Balai Polis Pantai.

Bagi Kawasan Tanah Merah, dua cadangan telah diterima dan pembinaan pondok talipon ini akan dibuat mengikut keutamaan yang diberi.

KECICIRAN MURID-MURID SEKOLAH

4. **Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan murid-murid yang keciciran dalam tahun 1972 dari sekolah-sekolah aliran Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil dari Darjah I hingga Tingkatan V dan samada angka ini menunjukkan kemajuan yang lebih baik daripada tahun 1971.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, saya menjawab bagi pihak Menteri Pelajaran.

Bilangan murid sekolah rendah dan menengah di Malaysia Barat dalam aliran Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris yang tercicir dalam tahun 1972 dibandingkan dengan yang tercicir dalam tahun 1971, adalah seperti berikut:

Bilangan Keciciran Sekolah Dalam Tahun 1971
Mengikut Bahasa Pengantar

Perengkat				Melayu	Inggeris	Cina	Tamil	Jumlah
Rendah	43,329	10,278	30,030	9,663	93,300
Menengah	31,389	55,012	—	—	86,401
Jumlah				74,718	65,290	30,030	9,663	179,701

Bilangan Keciciran Sekolah Dalam Tahun 1972
Mengikut Bahasa Pengantar

Perengkat				Melayu	Inggeris	Cina	Tamil	Jumlah
Rendah	39,324	6,058	31,505	7,086	83,973
Menengah	30,207	64,707	—	—	94,914
Jumlah				69,531	70,765	31,505	7,086	178,887

Dari angka-angka yang telah disebutkan tadi ternyatalah bahawa pada keseluruhannya bilangan murid yang tercicir dalam tahun 1972 dibandingkan dengan tahun 1971, berkurangan sebanyak 814 orang.

HAKISAN TANAH DI ROMPIN

5. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Pertanian dan Perikanan memberi suatu kenyataan yang mutlak mengenai tindakan-tindakan kerajaan terhadap hakisan tanah di pekan Rompin, Negri Sembilan oleh sungai.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf: Tuan Yang di Pertua, Kementerian Pertanian dan Perikanan tidak menyedari hakisan tanah (erosion) yang berterusan di pekan Rompin disebabkan oleh sungai. Saya percaya Kerajaan Negri Sembilan akan mengambil sesuatu tindakan yang tegas berkenaan dengannya jika keadaan yang didapati itu membahayakan. Saya akan minta Jabatan Parit dan Taliair untuk menyaisat dan memberi pandangan berkenaan dengannya supaya pertimbangan yang sewajar akan dapat diberi.

USUL

PENYATA JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DEWAN NEGARA (BIL. DN. 1 TAHUN 1973)

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa lapuran yang pertama Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara, Penggal yang Kedua yang telah dibentangkan sebagai risalat Bil. DN. 1 tahun 1973 hendaklah diterima dan dikuatkuasakan mulai daripada akhir mesyuarat sekarang ini.

Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang dapat kita perhatikan bilangan purata Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut yang dapat diselesaikan di dalam Dewan dalam tempoh satu jam yang ditentukan itu ialah 10 hingga 15 pertanyaan sahaja sehari. Ini bermakna, Tuan Yang di Pertua, iaitu sehabis ramai hanya 5 orang sahaja ahli yang dapat mengemukakan pertanyaan pada satu hari persidangan jika tiap-tiap orang Ahli mengambil kesempatan menghantar 3 pertanyaan bagi tiap-tiap hari persidangan itu iaitu bilangan yang maksima yang diperuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat 21 (3). Pindaan yang dicadangkan ini bertujuan supaya lebih ramai lagi Ahli-ahli berpeluang untuk menghantar pertanyaan-

pertanyaan yang dijangkakan akan dapat dijawab semuanya oleh Dewan yang mulia ini.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 47 dengan memotong perkataan-perkataan iaitu "serta diperintahkan dicap" daripada Peraturan Mesyuarat itu bertujuan bagi membolehkan Rang Undang-undang yang hendak dipertimbangkan oleh Parlimen supaya dicap sebelum dibacakan bagi kali pertama dan oleh yang demikian dapat dihantarkan rang undang-undang itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lebih awal lagi daripada masa yang lepas.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di Pertua, saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan menyambut baik pindaan-pindaan ini dan menyokongnya.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Dipersetujui,

Bahawa lapuran yang pertama Jawatankuasa peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara, Penggal yang Kedua yang telah dibentangkan sebagai risalat Bil. DN. 1 tahun 1973 hendaklah diterima dan dikuatkuasakan mulai daripada akhir mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (16hb Februari, 1973).

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, apabila Dewan yang mulai ini ditangguhkan pada hari Jumaat yang lepas,

saya sedang menjelaskan tentang teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tuan Shaari bin Jusoh dan juga Senator Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tentang pekerja-pekerja di dalam Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

Saya telah menerangkan iaitu tindakan-tindakan telahpun diambil tentang membaiki keadaan yang tidak seimbang dalam perjawatan di dalam Lembaga itu dan tindakan yang seterusnya akan diambil dari semasa ke semasa dan bolehlah saya beri kesanggupan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu tindakan yang tegas akan diambil dengan tidak berapa lama lagi tentang memperbaiki keadaan yang tidak seimbang itu.

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Shaari bin Jusoh juga mencadangkan supaya pekerja-pekerja dibenarkan mengeluarkan caruman mereka sebelum meningkat umur 50 atau 55 tahun. Cadangan ini juga telah dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ibrahim bin Haji Yaakob.

Dalam hal ini sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum tujuan utama Kumpulanwang Simpanan Pekerja ialah untuk memberi jaminan masa tua kepada pekerja-pekerja yang tidak berpencen. Bila menentukan had umur di mana caruman dapat dikeluarkan, Kerajaan telah menetapkan 55 tahun sebagai umur di mana caruman dapat dikeluarkan, kerana kebanyakan pekerja-pekerja telah bersara pada waktu itu. Juga pada masyarakat Malaysia, bila seseorang itu mengingkat umur 55 tahun, ianya dianggap di dalam golongan tua dan patut berhenti kerja.

Walaubagaimanapun, Ordinan Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951 memberi kelonggaran kepada batasan ini dengan membenarkan pengeluaran 1/3 daripada jumlah caruman mereka pada umur 50 tahun. Ini dengan sebab untuk memberi peluang kepada mereka itu membuat persediaan.

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ibrahim bin Haji Yaakob juga mencadangkan supaya wang caruman ini dibayar balik kepada terutamanya bekas-bekas angkatan tentera British, kerana mereka dengan sebab tidak dapat perkerjaan, maka mereka itu menghadapi kesulitan yang amat besar.

Ini memanglah kita bersimpati dengan mereka itu, tetapi mereka itu telahpun diberi

hadiah dan sagu hati oleh pihak yang berkenaan dan dengan wang sagu hati itu haruslah mereka dapat memulakan penghidupan yang baharu di dalam dunia yang baharu.

Jadi berkenaan dengan wang simpanan ini sebagai tujuan yang utamanya ialah menyimpan untuk bekal tua mereka itu. Jikalau mereka itu berhenti daripada pasukan tentera British setelah umurnya masih 35 tahun, maka sudah tentu mereka terpaksa menunggu untuk mendapatkan balik wang caruman tadi. Tetapi mereka sebagai saya kata tadi, mereka ada diberi wang sagu hati untuk mereka memulakan penghidupan yang baharu dan adalah sebelum mereka berhenti itu mereka diberi latihan, latihan mengikut kehendaknya masing-masing dan sepatutnya mereka bolehlah mencari pekerjaan yang sesuai untuk menjalankan kehidupan mereka.

Sebelum saya menjawab Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan, saya suka menyentuh di sini berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Senator Tuan Shaari bin Jusoh terhadap katanya kalaulah seseorang pen-carum itu berkehendakkan wang yang sangat mustahak, patutlah dibayar kepada mereka itu. Ini pun akan mengakibatkan tujuan yang utama itu tidak dapat dicapai untuk bekalan tua mereka itu.

Sebagaimana yang kita semua ketahui, kita semua manusia tentulah memikirkan: Oh, apabila hendak kahwinkan anak, itu mustahak maka kita benarkan ambil begitu, maka sudah tentulah wang yang disimpan itu tidak dapat mencapai maksud dan tujuan undang-undang ini. Jadi susahlah bagi pihak lembaga menimbang tentang cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan membuat ulasan terhadap structure Ahli-ahli Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja di mana sebahagian besarnya dikuasa oleh ahli-ahli dari M.T.U.C. dan Employers Association. Dia mencadangkan kenapakah tidak juga diambil daripada Ahli-ahli Dewan Perniagaan. Dalam hal ini, pihak Kerajaan dan juga Lembaga sedang membuat kajian; bukan kajian berkenaan dengan structure lembaga sahaja bahkan berkenaan dengan Undang-undang Kumpulanwang ini juga. Jadi kita berharap kajian ini dapat disempurnakan tidak berapa lama lagi dan

beberapa perubahan harap dapat dilakukan. Tuan Yang di Pertua, sekian penjelasan saya terhadap teguran-teguran dibuat oleh Yang Berhormat dan saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas teguran-teguran yang membina itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN LUAR NEGERI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, pada masa Akta Pinjaman Luar diluluskan dalam tahun 1963, peruntukan dibuat ialah sebanyak \$300 juta jumlah meksima yang boleh dipinjam. Had ini kemudiannya dinaikkan kepada \$1,070 juta oleh Akta Pinjaman Luar (Pindaan), Bil. 49 tahun 1966. Pada masa ini baki jumlah yang boleh dipinjam di bawah Akta Pinjaman Luar, 1963, sebagai terpinda, ialah lebih kurang \$41 juta sahaja, dan ini telah menimbulkan keperluan segera untuk menaikkan lagi had berkanun Akta Pinjaman Luar, 1963.

Rancangan Malaysia Kedua memerlukan kewangan bersih dari luar dalam lingkungan \$910 juta, yang sebahagian yang terbesar daripadanya mungkin didapati di bawah peruntukan Akta ini. Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa dari segi praktik, had berkanun di bawah Akta Pinjaman Luar, 1963, hendaklah dinaikkan daripada \$1,070 juta kepada \$2,000 juta. Cadangan had baru ini sebanyak \$2,000 juta ialah peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kedua dan juga

bagi pinjaman-pinjaman yang akan dibuat selepas Rancangan Malaysia Kedua nanti.

Untuk memudahkan cara bagi pindaan-pindaan selanjutnya yang diperlukan pada masa depan, adalah dicadangkan bahawa satu peruntukan dimasukkan supaya had yang dibenarkan di bawah Akta ini boleh dinaikkan dengan usul di dalam Dewan Rakyat.

Bangkangan-bangkangan seringkali disuarakan apabila pihak Kerajaan datang ke Dewan ini untuk mengemukakan cadangan seperti ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun beberapa kali menegas-kan dan kami ulangi lagi untuk faedah Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa adalah tidak menjadi hal sekiranya pinjaman yang bertambah ini dibuat bagi tujuan-tujuan yang mungkin menambahkan pendapatan dan daya pengeluaran. Sekiranya prinsip ini diikuti sepenuhnya, maka adalah lebih baik meminjam lebih daripada meminjam kurang.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Wong Seng Chow: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Akta Pinjaman Luar Negeri (Pindaan), 1972.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menambah pinjaman-pinjaman meksima yang boleh didapati di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri, 1963 daripada \$1,070 juta kepada \$2,000 juta bagi maksud membiayai Rancangan Malaysia Kedua dan lepas daripadanya. Kejayaan Rancangan Malaysia Kedua akan mengadakan pinjaman buat di dalam perkara ini. Kerajaan sepanjang ini telah cuba bersungguh-sungguh untuk menjadikan satu kelas penengahan Melayu dan ini adalah sangat berfaedah kepada negara. Semakin besar kelas pertengahan rakyat Malaysia dari bangsa Melayu, Cina dan India akan semakin melegakan politik negara serta memastikan keamanan dan kemakmuran negara ini. Akan tetapi, Kerajaan juga perlu menyampaikan dasar menyusun semula masyarakat di bawah Rancangan Malaysia Kedua kepada orang-orang miskin samada mereka berada di bandar atau di luar bandar. Ini mesti sampai kepada penoreh getah, peladang, penjaga, pertanian, pemandu teksi dan mereka dalam kumpulan pendapatan rendah.

Keputusan dalam beberapa pilihanraya kecil dahulu walaupun kebanyakannya mengundi kepada Kerajaan hasilnya mesti diambil ke atas kadar-kadar yang tidak sampai kepada Kerajaan.

Segala usaha mesti dijalankan untuk memastikan wang yang dibelanjakan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua akan membantu orang-orang miskin di bandar dan di luar bandar.

Pinjaman yang ditimbulkan patut digunakan dalam masaalah pekerjaan dan menguntukkan tanah kepada orang-orang yang tidak mempunyai tanah. Kadar pengangguran pada masa ini adalah satu masaalah yang paling rumit sekali juga terdapat pekerja-pekerja yang berkelayakan tinggi memegang jawatan yang rendah, tambahan pula pengangguran di dalam bandar semakin bertambah. Kerajaan mesti memastikan bahawa ekonomi negara dapat memberi peluang yang cukup bukan sahaja kepada mereka yang sekarang sedang menganggor, tetapi juga kepada mereka yang baharu pertama sekali mencari pekerjaan.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai tempat yang cukup untuk perkembangan. Pada hakikatnya tanah masih banyak lagi. Jaminan yang paling kuat seseorang itu boleh berdiri di dalam sesebuah negara ialah sekeping tanah. Oleh itu, segala usaha hendaklah dijalankan untuk diberi tanah kepada mereka yang tidak ada bertanah.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Saya berpendapat tiap-tiap rancangan dan kemajuan yang akan dilaksanakan oleh seseorang ataupun badan-badan apatah lagi oleh Kerajaan tentulah berkehendakkan kepada anggota ataupun tenaga. Anggota dan tenaga ini tidak akan datang melainkan dengan ada upahan ataupun gaji, maka dengan sebab itu wang amatlah perlu.

Saya juga mengucapkan shukur kepada Tuhan dan tahniah kepada Kerajaan kita iaitu Kerajaan Perikatan ataupun Kerajaan Malaysia hari ini yang telah mendapatkan sanjungan ataupun kepercayaan daripada luar negeri yang dapat ataupun pinjaman wang, kerana kita tahu satu-satu wang yang

dapat diberi pinjaman bererti kewangan negeri ini adalah kedudukannya kukuh, budinya baik dan ekonominya baik, jadi dengan alasan yang saya sebutkan tadi ini kita dapati yang Kerajaan kita amatlah baik.

Tentang apa yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, kita sama-sama tahu bahawa di masa yang lepas, izinkan saya, Tuan Yang di Pertua, membawakan sedikit di masa parti-parti sedang sebok dalam pilihanraya ada berbagai-bagai parti yang membalas dendam kepada dasar Kerajaan kita yang mengatakan Kerajaan Perikatan hendak menggerakkan negara ini dengan meminjam wang daripada luar negeri sebegitu banyak. Tetapi sebagaimana saya katakan tadi satu-satu rancangan tidak dapat dijalankan kalau dengan tidak cuktp wang, dengan sebab itu, saya berpendapat asalkan sahaja rancangan yang Kerajaan akan buat untuk kebaikan bukan kadar \$170,000 saya berpendapat walaupun sampai \$200,000 patut dipinjam oleh Kerajaan.

Kita tahu bila kita masuk ke Kampung-kampung masih banyak lagi perkara-perkara yang dituntut oleh orang-orang kampung terutama soal api dan soal air. Soal ini, boleh jadi kita serahkan kepada badan berkanun dan kepada satu-satu badan, ada di antara badan-badan yang mengatakan tidak payah diberi api kepada orang kampung, kerana tidak ekonomi ataupun berfaedah.

Saya berpendapat, Tuan Yang di Pertua, segala rancangan yang dibuat semuanya berfaedah walaupun rancangan kebajikan sekurang-kurangnya kita dapat kebaikkkan atau pahla.

Tentang rancangan lain jarang yang tidak dapat faedah macamana saya katakan api tadi, walaupun tidak serta-merta dapat balik daripada perbekalan pembekal api, tetapi lambat-laun cara sedikit demi sedikit akan dibagikan juga oleh pengguna-pengguna api ataupun pengguna-pengguna air.

Hari ini di mana sahaja kampung yang kita masuk, saya percaya bukan sahaja di negeri tempat yang saya tinggal iaitu di Perlis di mana kampung sampai ke dalam bandaraya Kuala Lumpur ada yang di bawahnya ada letrik, di atasnya tidak ada; ada yang di atas di bawahnya tidak ada; ada setengahnya ambil sebab sahaja, ada satu-satu rumah yang patut dibuat, boleh dilalui oleh orang

kampung ataupun penduk yang tidak bernasib ataupun yang berpendapatan rendah tak dilaksanakan. Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, sekali lagi saya menegaskan sebagaimana kita tahu kita bukanlah hendak pakai pepatah orang kampung bahawa seseorang yang hendak hidup; tanah, air, api dan ini amatlah mustahak dan kita juga sama-sama tahu bahawa kita duduk dalam Dewan yang mulia ini, kalau tidak ada api saya percaya kita tidak boleh duduk lebih daripada sejam kerana kita nampak gelap, dan kalau tidak ada angin, saya percaya kita sejuk, dan kalau tidak ada air, tentulah kita pun tidak boleh hidup dengan sempurna ataupun lebih tepatnya saya katakan tidak boleh hidup. Dengan sebab itulah, bila kita pergi ke kampung walaupun ada air asli daripada telaga, walaupun ada api asli daripada lampu minyak tanah, tetapi manusia juga, rakyat juga ingin menikmati macam kita switch lampu di bandar, macam mana kita membasuh di bandar, mandi di bandar, itulah yang diinginkan oleh orang kampung. Tetapi malangnya bila diminta yang tidak cukup, maklum sahajalah Kerajaan kita hendak membuat segala rancangan.

Dengan sebab itu, saya berpendapat asalkan sahaja rancangan yang baik, tidak payahlah kita menanti hydro letrik di Pahang,

Tuan Yang di Pertua, saya masih ingat lagi di masa yang silam sebagaimana kita membuat Stadium Negara ataupun Stadium Merdeka, saya percaya, rancangan itu memakan belanja yang cukup banyak, orang kata Kerajaan membazir, Tunku membuat rancangan itu membazir, tetapi lama-kelamaan bila pertandingan boleh diadakan dan sebagainya diadakan terutama sekali pertandingan bola secara besar-besaran apatah lagi jikalau Malaysia kita sendiri masuk pertandingan akhir, jikalau satu semalam kita dapat kutip sampai \$40,000 (biasanya \$30,000). Saya yakin hari ini telah berlipat ganda daripada apa yang dibelanjakan oleh Kerajaan begitu juga saya masih ingat lagi di masa yang lepas pada tahun 1962 bawa satu rombongan pemuda daripada Perlis menghadiri satu seminar di Kuala Lumpur. Kami sama-sama melalui sebatang jalan yang berlekak-lekok daripada Slim River sampai ke Tanjung Malim, banyak penumpang-penumpang bas yang naik bersama boleh dikatakan, kalau ada 40 orang 30 orang

terpaksa pening kepalanya. Rancangan Kerajaan kita terpaksa memakan belanja yang banyak saya percaya macam mana buat jalan daripada Slim River ke Tanjung Malim, dengan lurus dan cantik, tetapi walau bagaimana pun sejak Kerajaan membuat jalan itu dan memungut toll sebuah motokar, setahu saya 50 sen dan lori lebih daripada itu, kalau tidak habis pun agak saya, sudah dekat hendak cukup itu pun saya tidak tahu, tetapi saya yakin, kalau tidak habis dekat hendak cukup. Dengan sebab itu, saya sekali lagi, Tuan Yang di Pertua, segala rancangan yang baik patutlah mendapat pinjaman bukan kadar itu sahaja, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Ada banyak-banyak lagi contoh yang hendak disebutkan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ini bukan contoh, saya hendak membuat cadangan sedikit lagi.

Jadi kalau boleh saya mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan walaupun agak saya tentulah ganjil dalam Dewan ini pinjaman kita dapat daripada luar negeri dan patutlah kita memudahkan juga pinjaman bukan sahaja untuk segala kemajuan ataupun pembangunan kepada badan-badan dan perseorangan. Kita dapati hari ini, Tuan Yang di Pertua, kita kalau satu-satu orang hendak meminjam daripada Kerajaan, baik pun daripada badan berkanun seperti MARA sebagainya, kita mengenakan syarat-syarat terlampau ketat, sedangkan kita meminjam daripada luar negeri agak saya tidak begitu ketat ataupun syarat yang dikehendaki oleh negeri-negeri luar. Jadi patutlah kita juga bagi kepada rakyat kita yang agaknya ekonominya baik, kedudukannya bagus dan dia sebagai pegawai. Kalau kadar cagaran yang meliputi tidak payahlah kita meminta tanah yang bergeran.

Kita rasa dukacita, Tuan Yang di Pertua, kalau satu-satu orang yang hendak meminjam dengan Kerajaan terpaksa mencari beberapa syarat. Satu geran kedua orang penjamin. Ada setengah orang sudah miskin, walhal dia baik tetapi orang tidak mahu jamin. Hamba Allah ini tidak ada geran dan dia pula miskin.

Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, saya mencadangkan, agak saya anih, sekali lagi saya katakan, kalaulah pihak peniaga-peniaga macam mana badan-badan yang menjual motokar boleh membuat cagaran

motokar kepada orang-orang yang membeli motokar, walhal motokar yang dikatakan jenis macam sifat baharu, macam manusia, boleh berlaga dan sebagainya, boleh jahanam, tetapi pihak penggadai ataupun yang menjual motokar, dia boleh menggadai dengan cagaran motokar dengan syarat motokar yang tersebut diinsurankan dan sebagainya. Saya percaya, Tuan Yang di Pertua, kalaulah ada di antara pegawai-pegawai kita yang tidak ada jaminan ataupun cagaran, dia boleh meminjam daripada badan-badan yang mereka bekerja, syaratnya dia hendaklah memasuki sebagai insuran dan sebagainya.

Kalau hari ini, kita hendak katakan insuran itu tidak baik, tak patut Kerajaan benarkan, tetapi kita buat had. Saya misalkan seorang yang masuk insuran \$10,000, dia boleh pinjam \$6,000; syaratnya hendaklah geran ataupun kenyataan insurannya itu benar dan dipegang oleh Kerajaan; Kerajaan bayar, kerajaan potong daripada gajinya, potong hutang dia dan banyak mana dia membayar insuran tiap-tiap bulan dan yang agak berpatutan dengan limit yang dia bekerja. Ini saya yakin boleh kita buat demikian, Tuan Yang di Pertua. Sebab yang saya kata begitu, kita berasa sedih, Tuan Yang di Pertua. Kita tahu pinjaman MARA, faedahnya lebih daripada 4% atau 6%, begitu juga pinjaman-pinjaman bank, tetapi kita tidak tahu bahawa pegawai-pegawai kita, saya kata bukan kesemuanya—bukan kesemua—ada setengah yang sangat memerlukan, bukan untuk joli, bukan untuk kejahatan, tetapi untuk keluarganya, yang dia tidak tahu hendak pinjam ke mana, tetapi akhirnya dia terpaksa meminjam daripada orang yang dapat keluarkan duit bunga, sehingga biasa faedahnya \$100, \$10 sebulan. Kalau \$100 faedahnya \$10 sebulan, berapa faedahnya kalau setahun. Sudah lebih daripada 100%, tetapi dengan tidak ada tadi orang terpaksa buat. Kalau hendak pergi pinjam kita hendak geran dan penjamin dan sebagainya.

Dengan sebab itulah, Tuan Yang di Pertua, saya mencadangkan sekali lagi, sebagaimana Kerajaan kita dapat kemudahan daripada luar negeri, mendapat pinjaman, kita mengikhtikarkanlah juga kepada kakitangan-kakitangan, dalam Jabatan-jabatan Kerajaan atau dalam badan-badan yang mana yang agak terjamin, baik secara terus, mahu pun tidak bergeran, macam saya katakan tadi insuran dan sebagainya sekali pun. Syaratnya dia ada mempunyai jaminan, dia membayar,

ada bergeran dan kita tolong menyusunkan, maka ini akan mendapat kebaikan kepada rakyat dan kemudahan kepada umum. Terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini, untuk diluluskan dan saya suka memberi pendapat saya.

Saya merayu kepada Kerajaan, di mana-mana sahaja Kerajaan kita boleh dapat wang pinjaman untuk menjayakan Rancangan Malaysia Yang Kedua ini, pinjamlah dan seboleh-bolehnya jangan dihadkan oleh kerana di dalam pandangan saya atau pada pendapat saya rakyat-rakyat sekarang telah sedar dan 100% menaruh kepercayaan kepada Kerajaan yang ada sekarang ini, iaitu Kerajaan Perikatan, yang memerintah sekarang ini. Kerajaan Perikatan memandang semua rakyat yang ada di negara kita ini sama tidak ada beza-membeza antara satu kaum dengan satu kaum. Maka pada pendapat saya, selagi rakyat menyokong Kerajaan kita, Kerajaan bolehlah meminjam seberapa banyak di mana-mana sahaja dan kita boleh membayar loan-loan itu apabila sampai masanya, dengan faedah-faedahnya yang ditentukan.

Saya telah menjelajah di merata-merata negeri di dalam negara kita ini. Saya dapati hutan yang begitu tebal dahulu sudah jadi pekan yang besar dan penuh dengan tanaman-tanaman kelapa sawit, getah, kacang goring, tembakau, kopi, nanas, tebu dan koko dan hasil-hasil benda-benda yang kita tanam ini di seluruh negeri kita ini akan cukup membayar beberapa banyak loan sekali pun yang kita pinjam. Oleh itu saya menyokong supaya Kerajaan pinjamlah wang seberapa banyak dari luar negeri. Kita ada bidalan—wang cari wang, banyak wang kita macam-macam kita boleh buat di negara kita ini untuk kemajuan rakyat kita, kita tidak mahu tengok lagi rakyat-rakyat kita miskin seperti yang ada sekarang ini.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap apabila seorang Ahli Yang Berhormat itu bercakap, biarlah perbincangan yang dibuatnya di sekitar satu-satu bil yang dibawa ke Dewan ini.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan ini. Kalau kita fikir dengan sehalus-halusnya, bergembira yang kita dapat meminjam wang begitu banyak dan kepercayaan daripada luar-luar negeri, tetapi kita mesti faham dan teliti dengan sehalus-halusnya; adalah wang pinjaman ini, kita terpaksa pulangkan balik dan kita rakyat jelata akan bertanggungjawabnya untuk memulangkan balik wang ini, khasnya apabila lekas kita bayar wang ini, maka terpendang tinggilah kepada mata dunia yang memberi kita pinjaman wang ini dan di sini saya berseru, Tuan Yang di Pertua, kepada segenap lapisan rakyat jelata, pemimpin-pemimpin, iaitu hendaklah secepat mungkin kita berikhtiar membayar wang ini dan jikalau sekiranya perjalanan kita yang semacam ini, mogok di sana, mogok di sini, majikan tidak mengambil berat atas pekerja, pekerja pula mencari ikhtiar untuk mogok, di manakah dapat hasil negara kita ini.

Saya berserulah supaya selagi kita berhutang ini, janganlah kita mogok.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas pengesyoran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Barangkali saya harus dapat cuma menjelaskan berkenaan dengan teguran-teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob dan pengesyorannya supaya tidak ada apa-apa had tentang pinjaman. Ini saya rasa memanglah pemikiran Yang Berhormat itu ikhlas dan jujur, tetapi haruslah patut ada had. Nanti kalau tidak, Kerajaan nanti menyalah-gunakan, nanti Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan bertanggungjawab sama-sama. Jadi, kalau lebih daripada \$2,000,000 maksima itu, patutlah Kerajaan datang balik kepada Dewan yang mulia ini, meminta lagi tambahan sekiranya diperlukan tambahan. Tetapi mengikut jangka ini barangkali \$2,000,000 itu adalah mencukupi. Selepas daripada Rancangan Malaysia Yang Kedua, wang \$2,000,000 ini, had maksima ini adalah barangkali harus dapat mencukupi dengan rancangan-rancangan yang akan dibuat pada masa akan datang.

Berkenaan dengan teguran-teguran yang lain, saya fikir adalah dengan hormatnya saya mengatakan tidak berkaitan dengan

Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita dan dengan itu saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LANJUTAN KREDIT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, Akta Lanjutan Kredit telah diluluskan dalam tahun 1966 untuk memberi kuasa kepada Kerajaan membuat peraturan-peraturan pinjaman dengan cara lanjutan kredit. Peraturan-peraturan ini membolehkan bayaran secara tangguhan untuk barang-barang yang diterima oleh Kerajaan dari punca luar. Lanjutan kredit seumpama ini semakin bertambah diadakan oleh Kerajaan-kerajaan asing dan pertubuhan-pertubuhan kewangan antarabangsa. Untuk memenuhi keperluan Rancangan Malaysia Pertama, Kerajaan telah menetapkan had kredit seumpama ini sebanyak \$300 juta. Telahpun dianggarkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kedua, banyak lagi pinjaman luar akan dibuat dengan peraturan-peraturan lanjutan kredit dan had pinjaman yang masih boleh dibuat sekarang adalah tidak akan mencukupi. Oleh itu adalah perlu dinaikkan lagi had pinjaman di bawah Akta Lanjutan Kredit, 1966. Adalah dicadangkan bahawa had yang ada sekarang sebanyak \$300 juta dinaikkan kepada \$1,300 juta. Cadangan tambahan sebanyak \$1,000 juta di bawah Akta ini adalah bertujuan bukan saja untuk

meliputi Rancangan Malaysia Kedua tetapi juga untuk pinjaman-pinjaman yang akan terus dibuat dalam masa selepas Rancangan Malaysia Kedua nanti.

Untuk memudahkan peraturan memenuhi keperluan-keperluan masa depan dan untuk mengelakkan pindaan-pindaan dibuat berulang-kali, adalah dicadangkan bahawa satu peruntukan dimasukkan supaya had yang dibenarkan di bawah Akta boleh dinaikkan dengan cara satu usul di dalam Dewan Rakyat.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU, SARAWAK DAN SABAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi meminda Akta Eksais, 1961 Negeri-negeri Tanah Melayu, Ordinan Eksais Sarawak (Bab 27) dan Ordinan Eksais, 1959 Sabah, dibaca bagi kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Seksyen 7, Akta Eksais, 1961 Malaysia Barat, Seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Seksyen 27), dan Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah, 1959.

Mengikut Seksyen 7, Akta Eksais, 1961 Malaysia Barat, Menteri Kewangan boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang diwartakan dalam gazet menentukan cukai-cukai eksais yang hendak dikenakan ke atas mana-mana barang keluaran tempatan. Perintah seperti itu hendaklah dibentangkan di Dewan Rakyat pada persidangannya yang akan datang. Sekiranya perintah itu tidak disahkan oleh Dewan Rakyat dalam tempoh 10 hari daripada masa dibentangkan, perintah itu akan luput berkuatkuasa dan seterusnya semua cukai eksais yang telah kena berikutan daripada perintah itu hendaklah dibayar balik kepada orang-orang yang telah dikenakan cukai itu. Peruntukan-peruntukan yang sama adalah juga diadakan di bawah Seksyen 3 Ordinan Eksais Sarawak (Bab 27) dan Seksyen 3 Ordinan Eksais Sabah, 1959.

Adalah difikirkan dari segi amalannya bahawa tempoh 10 hari itu adalah terlampau sengkat terutama sekali apabila pertukaran-pertukaran dalam cukai eksais dikemukakan dalam ucapan belanjawan Menteri Kewangan. Dengan itu adalah dicadangkan bahawa tempoh ini dipanjangkan selama 11 hari lagi iaitu menjadi 21 hari.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967 dibaca bagi kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda perenggan kecil 2 Seksyen 11 Akta Kastam, 1967 dengan menggantikan perkataan "ten" dan di mana-mana yang dinyatakan dengan diganti perkataan "twenty-one".

Seperti Yang Berhormat ahli-ahli sedia maklum bahawa Dewan ini telahpun meluluskan Rang Undang-undang bagi meminda Undang-undang Eksais Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak bagi tujuan memanjangkan tempoh bagi perintah-perintah cukai eksais yang dibentangkan di Dewan ini bagi pengesahan, daripada 10 hari kepada 21 hari di atas sebab-sebab yang telahpun saya terangkan semasa mencadangkan Rang Undang-undang itu tadi. Bagi tujuan yang serupa, adalah dicadangkan sekarang ini pindaan-pindaan yang serupa juga dibuat kepada perenggan kecil 2 seksyen 11 Akta Kastam, 1967 seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya suka turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, tetapi walau macam manapun, saya rasa dukacita di atas sedikit sebanyak perjalanan. Kastam yang telah berjalan hari ini. Walaupun kita ada undang-undang agak saya taklah begitu tegas, sebab-sebabnya, Tuan Yang di Pertua, saya berpendapat Kastam telah menetapkan dengan mengutip cukai kepada barang-barang yang diberi kalau tak silap saya, apa yang saya tahu, saya juga seorang tinggal dekat sempadan, potongan yang dibuat 25%, tetapi yang dukacita ada di antara pembeli yang kena potong dan ada di antara pembeli yang tak kena potong. Perkara ini tak tahu

siapa hendak disalahkan, kadang-kadang lubang pun banyak sangat untuk lalu-lintas.

Saya agak bukanlah sempadan utara Malaysia sahaja, bahkan saya yakin pada lain sempadan juga demikian. Jadi pendek kata kalau seorang itu terlampau betul patuh pada peraturan, dia terpaksa membayar cukai 25% tetapi kadang-kadang kalau dia itu pandai sedikit cara melarikan, cara mengelak ataupun cara berkira, maka dia terlepas daripada cukai. Dengan sebab itu saya minta ketika Menteri membentangkan Rang Undang-undang ini patut cara pengawalan Kastam itu biarlah tegas kepada segenap peringkat.

Yang kedua, saya berpendapat cukai barang-barang yang ditetapkan sebanyak 25% itu agak tinggi. Saya yakin kalaulah diturunkan lagi daripada 25% kepada 10% dengan ada kawalan ketat, saya yakin wang kita dapat banyak lagi dengan kutipan daripada pembeli-pembeli, kerana pembeli bila dia tahu cukai itu tak begitu tinggi, dia takkan lari daripada membayar cukai.

Yang ketiga, Kerajaan boleh menjalankan keadilan kepada semua pembeli dengan menyekatkan tiap-tiap lorong dan tiap-tiap seorang pembeli ataupun tiap-tiap orang lalu-lintas yang akan membawa barang-barang mesti lalu di jalan-jalan yang ditetapkan, kalau tidak hukuman yang berat akan dikenakan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, berkenaan teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kawalan memang sudah pun ketat terhadap pegawai-pegawai yang menjalankan tugas di sempadan, tetapi maklumlah lantaran sempadan kita itu sangat panjang dan lanjut, maka walau macam mana ketat pun senanglah juga bagi orang-orang yang hendak mengelakkan daripada membayar cukai itu membawa masuk barang-barang dengan cara haram. Begitu juga tentang pegawai-pegawai kita, walau macam mana ketat sekalipun dijagai, kalau sekiranya pegawai itu tidak jujur dan ikhlas, boleh jugalah mereka menyalahgunakan kuasanya. Tetapi walau macam manapun, memang dari semasa ke semasa pihak Kementerian ini dan Jabatan Kastam dan ketua-ketuanya sekali sentiasa mengawasi dengan sedaya-uapaya untuk mengketatkan kutipan cukai-cukai di sempadan. Berkenaan dengan menurunkan

cukai itu, adalah difikirkan untuk hari ini angka yang telah ditetapkan itu adalah munasabah.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang bertajuk "Akta yang memperuntukkan undang-undang baharu untuk melesen dan mengatur perniagaan bank" dibaca bagi kali kedua.

Sebagai Ahli-ahli Berhormat sedia maklum, Ordinan Bank, 1958, yang merupakan satu daripada undang-undang mengawal bank-bank di Malaysia, sejak diperundang-undangkan dalam tahun 1958, telah mengalami beberapa perubahan berdasarkan pengalaman. Keperluan kepada kajian yang menyeluruh akan Ordinan ini telah dirasai perlu semenjak beberapa waktu memandangkan bahawa Bank Negara yang mentadbirkan undang-undang itu telah ujud hampir 15 tahun lamanya.

Dasar am berhubung dengan pengawasan dan pengaturan sistem bank di negeri ini adalah untuk memberikan hanya satu bidang perundangan yang terlalu luas dalam mana pengawasan dan pengaturan bank-bank perdagangan dapat dilakukan dan berandar sebahagian besarnya atas dasar pujukan modal untuk mengujudkan sistem bank yang sempurna, moden dan maju. Pengalaman yang lalu menunjukkan bahawa dasar yang

luas ini telah tidak berjaya berjalan dalam setiap hal selama 14 tahun yang akhir ini. Jangka masa yang banyak lebih panjang adalah dikehendaki untuk menjayakan pelaksanaan dasar seperti ini. Oleh yang demikian adalah perlu peruntukan dibuat dalam undang-undang untuk mengawas dan mengawal dengan secukupnya bank-bank di negeri ini untuk kepentingan negara.

Bill ini telah memasukkan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Ordinan Bank sekarang untuk mengawal amalan-amalan salah bank-bank perniagaan yang telah diketahui hasil pemeriksaan yang telah dilakukan oleh Bank Negara. Walaubagaimanapun Bill ini, mengandungi beberapa pindaan kepada peruntukan-peruntukan dalam undang-undang yang ada dan juga peruntukan-peruntukan baru, yang sebagai objektif utama, telah meujudkan satu sistem bank yang sempurna untuk mengerahkan sumber-sumber dengan secukupnya dan untuk memastikan pengurusan kewangan yang cekap yang akan memudahkan perkembangan sistem bank. Ia juga telah memperhitungkan keperluan untuk memastikan bahawa bank-bank yang menjalankan perniagaan di Malaysia supaya memainkan peranan yang betul dalam pembangunan ekonomi negeri ini. Ahli-ahli Berhormat bolehlah dijamin bahawa undang-undang sekarang atau peruntukan-peruntukan yang baru itu tidak akan menghadkan perniagaan bank yang sah. Sebenarnya peruntukan-peruntukan baru ini akan menguatkan lagi sistem bank dan juga memudahkan penyaluran kewangan yang perlu bagi projek-projek pembangunan yang dikehendaki dalam sektor swasta dan awam.

Ahli-ahli Berhormat patut juga mengambil perhatian bahawa sejak pindaan Ordinan Bank yang terakhir, Kerajaan terpaksa meluluskan Ordinan Dharurat (Kuasa-kuasa Perlu) No. 12, 1969, bagi memperuntukkan pengistiharan bank sebagai "bank yang dilindungi" (protected bank). Ini adalah perlu sebab tidak ada peruntukan-peruntukan dalam undang-undang yang ada yang memberi kuasa kepada Menteri atau Bank Negara untuk melucutkan jawatan atau melantik pengarah-pengarah bank bagi membaiki pengurusannya. Beberapa peruntukan Ordinan Dharurat (Kuasa-kuasa Perlu) telah dimasukkan dengan perubahan-perubahan di dalam Bill ini.

Tuan Yang di Pertua, huraian yang lebih lanjut adalah didapati dalam Rang Undang-undang ini. Jadi tidaklah saya hendak menggunakan masa yang lebih panjang dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun bercakap dengan panjang lebar semasa mengemukakan Rang Undang-undang ini di dalam Dewan Rakyat dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telahpun mengikuti penjelasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dengan ini, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, saya berasa sedih bila saya mendengar Timbalan Menteri menyatakan bahawa sebahagian daripada sebabnya kita terpaksa mengadakan undang-undang baru ialah kerana kita tidak dapat mengawal perjalanan bank secara moral persuasion. Nampaknya, pengusaha-pengusaha bank di negara kita ini kalau tidak ada undang-undang yang ketat, dia kata tidak payah dia mengikutnya. Saya ingat suatu cerita yang mana sahabat saya di England ada mengatakan bahawa kalau di England dia tidak perlu mengadakan satu undang-undang yang ketat. Kalau umpamanya Gabnor Bank of England senyum sahaja, itu bermakna perkara itu telah berjalan dengan baik. Tetapi di sini jikalau Gabnor jeling sekalipun bank-bank tidak pedulikan. Itu satu perkara, rasa saya, yang agak mendukacitakan kita kerana kita belum lagi sampai pada peringkat yang mana kita boleh bertanggungjawab walaupun tidak ada undang-undang yang memastikan kita berbuat demikian.

Saya juga telah meneliti ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 8 haribulan Disember 1972 yang mana beliau menyebut dengan terangnya sebab-sebab perlunya diadakan undang-undang baru ini.

Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini pada pendapat saya adalah lebih kemas daripada Ordinan Bank Tahun 1958 di dalam beberapa segi, sungguhpun banyak juga perkara-perkara yang saya akan timbulkan sebentar lagi yang mana saya rasa perlu mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sistem ekonomi yang diamalkan di negara kita ini ataupun sistem ekonomi moden sudah tentu memerlukan bank-bank sebagai satu institusi yang perlu. Bank-bank tidaklah boleh dianggap sebagai hak keistimewaan yang diberikan kepada orang kaya atau orang-orang di bandar sahaja. Perlu diadakan di bandar dan juga di luar bandar. Bank perlu untuk orang kaya dan juga untuk orang miskin. Ini bukan lagi menjadi privilege. Seperti juga kita ada sekolah tak boleh tidak di zaman sekarang ini begitu juga dengan kedudukan bank. Barangkali pada masa-masa yang lampau banyak orang berpendapat bahawa bank ini untuk orang kaya sahaja. Saya rasa tidak. Kalau kita pandang tugas-tugas bank adalah salah satunya mengutip wang atau meminta orang menyimpan wang di dalam bank itu, dan kemudian dipinjamnya pula wang itu kepada orang lain yang hendak meminjam. Di sini kita nampak bahawa bank-bank telah juga mendapat simpanan wang daripada orang-orang di luar bandar bukan di bandar sahaja yang menyimpan wang. Tetapi kalau kita kaji pergerakan bank kita dapati kebanyakan daripada wang-wang yang dipinjam oleh bank itu setelah dia dapat wang yang dipinjam itu dilaburkan pula kepada perusahaan-perusahaan di bandar. Ini nampak saya adalah jalan sahala (one way traffic) kerana di bandarlah yang lebih banyak bank-bank atau cawangan-cawangan bank. Di luar bandar tidak begitu banyak. Dan kita kaji juga beberapa kesulitan yang dialami oleh orang-orang luar bandar. Kalau kita mengikut cara moden sekarang ini ada juga orang yang membeli syer-syer dan syer itu kalau beruntung kepada syarikat itu maka dia dapat dividend. Dividend selalunya diberi menerusi bank, samada cek yang dikeluarkan oleh syarikat itu, dan jarang sekali diberi melalui wang tunai. Bila dividend atau cek ini diberi kepada orang yang di luar bandar, penerima dividend tadi terpaksa membayar komisyen. Kalau umpamanya dia dapat katakanlah \$10 sebahagian daripadanya itu kena potong untuk bank commission. Ini merugikan juga kepada orang-orang di luar bandar. Saya rasa masanya sudah sampai bagi Persatuan-persatuan Bank (Association of Banks) menimbangkan supaya menghapuskan sahaja komisyen-komisyen yang terpaksa dibayar

dan juga untuk outstation check terutama sekali kepada orang-orang yang tinggal di luar bandar. Saya rasa, sudah sampailah masanya ke peringkat yang mana bank-bank sendiri boleh tanggung bayaran itu.

Kita telah selalu juga dengar beberapa kesulitan yang dialami oleh peniaga-peniaga kecil hendak meminjam duit daripada bank, kerana tidak ada cagaranlah, tidak cukup cagaran, orang itu tidak boleh dipercayai, macam-macam. Ini telah menimbulkan beberapa persoalan, terutama sekali daripada peniaga-peniaga bumiputra. Dan saya bersyukur dan berterima kasih kepada Bank Negara, kerana telah menganjurkan apa yang dikatakan Credit Guarantee Corporation yang mana saya harap bank-bank perdagangan akan memainkan peranannya dengan lebih bermakna dan juga diawasi oleh Bank Negara supaya peniaga-peniaga kecil atau orang-orang yang hendak meminjam, iaitu orang yang tidak bernama dapat meminjam untuk mengadakan modal bagi perniagaan mereka.

Satu lagi perkara yang saya suka sentuh dari segi bank ialah peranan bank-bank manager. Bank-bank manager ini, Tuan Yang di Pertua, ialah salah seorang yang di dalam masyarakat yang dihormati. Sekarang ini rasa saya tak usah pergi kemanalah, tak usah pergi jauh, di bandar Kuala Lumpur ini sahaja semuanya pengusaha-pengusaha besar bagaimana kaya pun, mesti hendak baik dengan bank manager. Kenapa? Kerana hendak kemudahan meminjam duit atau kalau ada over-draftnya terlebih sedikit dipejamkan mata, macam-macamlah caranya.

Di luar-luar bandar, Tuan Yang di Pertua, peranan bank-bank manager ini sangatlah penting kerana mereka ini boleh memberi bimbingan kepada peniaga-peniaga yang baharu hendak muncul. Mereka-mereka ini iaitu bank-bank manager ini boleh memberi nasihat yang berguna kepada peniaga-peniaga yang hendak menceburkan diri di dalam perniagaan dan boleh menasihatkan mereka samada perniagaan itu beruntung ataupun merugikan ataupun cara mana hendak mengkokohkan kedudukan mereka itu. Dan saya harap bank-bank tempatan, bank-bank yang berlesen ini, patutlah mengkaji sedikit bagaimana mereka boleh menyampaikan perasaan kepada orang-orang terutama sekali di luar-luar bandar

dan di pekan-pekan kecil bagaimana bank manager itu patut dianggap sebagai kawan dan boleh menolong mereka.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di Pertua, yang saya hendak kemukakan di sini ialah bank-bank yang telah diberi lesen setakat ini. Kalau tidak salah saya, lebih daripada 30 bank yang ada di negara kita ini dan saya suka bahagikan mereka kepada tiga bahagin.

Pertamanya bank-bank yang ditubuhkan atau diperbadankan di negara kita.

Yang keduanya, bank-bank yang diperbadankan di luar Malaysia tidak kira Singapura iaitu umpamanya bank-bank daripada England—Chartered Bank, Mercantile Bank, First National City Bank, Chase Manhattan Bank, Bank of Tokyo, itu yang diperbadankan luar daripada Malaysia.

Yang ketiga, bank-bank yang diperbadankan di Singapura. Ini perkara yang kadangkala kita lupa. Bank yang diperbadankan sungguhpun di luar Malaysia tetapi jiran kita yang kalau kita kaji tidak ada banyak beza dari segi pertukaran wang. Kita ada sistem yang sama di Singapura. Saya akan sentuh perkara ini apabila saya pergi kepada fasal yang tertentu sebentar lagi, Tuan Yang di Pertua.

Bila kita pandang kepada bank-bank yang saya sebut ini tadi, saya nampak tidak banyak bank yang telah diperbadankan di Malaysia. Dan bank-bank yang telah diperbadankan di Malaysia ini, kalau kita pandang dari segi miliknya, saya dukacita menyatakan bahawa belum lagi setakat ini ada bank yang boleh dikatakan bank kepunyaan bumiputra. Bank Bumiputra bukannya bank kepunyaan bumiputra. Itu bank Kerajaan, 100% syernya dipunyai oleh Kerajaan, bukannya kepunyaan bumiputra. Kalau kita hendak mengimbangkan masyarakat seperti yang dicita-citakan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua, perkara ini pun patut ditimbangan juga. Biarlah kesempatan diberi kepada bumiputra memiliki bank.

Kerana akhirnya mengenai perniagaan kita ialah kuasa kita di dalam kewangan. Dan bila kita cakap dari segi kuasa kita dalam kewangan, kita tidak boleh hendak lari daripada bank. Dan setakat ini tidak ada satu pun bank yang dipunyai oleh bumiputra.

Saya harap bila permohonan yang dibuat oleh bumiputra yang betul-betul mewakili wang bumiputra, modal bumiputra sendiri.

saya harap pada masa itu pihak Kerajaan tidaklah menjadi keberatan untuk menimbangnya.

Saya ada satu lagi perkara, Tuan Yang di Pertua, sebelum saya pergi kepada detail Bill ini yang saya hendak kemukakan untuk penjelasan iaitu berkenaan dengan apa yang dikatakan "cheque card". Kalau kita ada menggunakan cek dan bank kita di Kuala Lumpur dan kita hendak mengeluarkan cek umpamanya di Ipoh, jadi mengikut sekarang ini tidak boleh, terpaksa kita mengeluarkan cek kita itu sendiri di Kuala Lumpur dan tidak boleh ditukar di Ipoh, melainkan menerusi bank. Jadi kalau ada sistem seperti yang telah berjalan di negeri-negeri barat, seperti di England umpamanya bagaimana seseorang itu boleh membawa cek kadnya dan dia boleh mengesahkan ini kad cek dia sendiri, maka dia bolehlah dapat tukar cek itu dan mendapat cash sebaliknya. Perkara ini belum lagi berlaku di negeri kita ini. Mungkin association of banks dengan persetujuan Bank Negara boleh menimbangkan dan ini akan memudahkan pengguna-pengguna cek untuk menukar cek itu.

Sekarang ini, saya ada beberapa perkara, Tuan Yang di Pertua, di bawah Fasal-fasal Rang Undang-undang ini. Saya kemukakan di sini supaya membolehkan Yang Berhormat Menteri memberi penerangan. Kalau saya kemukakan di peringkat Jawatankuasa, barangkali terlampau pendek sangat masanya untuk memberi penjelasan.

Terutama sekali berkenaan dengan Fasal 2 iaitu tafsiran "perniagaan bank". Tafsiran ini sebenarnya ada juga di dalam Ordinan Bank tahun 1958 tetapi telah dipanjangkan sedikit. Tafsiran yang ada dahulu setakat ini sahaja: "Perniagaan bank ertinya perniagaan menerima wang atas akaun semasa atau 'account deposit', membayar dan memungut cek yang dikeluarkan atau dibayar oleh pelanggan-pelanggan, dan memberi pendahuluan kepada pelanggan-pelanggan," setakat itu sahaja. Dan yang baharu ini ada pula ditambah "dan termasuklah lain-lain perniagaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara dengan kelulusan Menteri bagi maksud-maksud Akta ini". Ini satu perkara yang penting, Tuan Yang di Pertua. Saya tidak hendak soal yang kuasa kita boleh beri kepada Bank Negara untuk menentukan apa-apa dia perkara-perkara yang lain yang dimaksudkan di sini.

Bila diteliti ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang antara lain katanya, dan izinkan saya membacakannya:

"Wider Definition of Term Banking Business"

The term "banking business" is defined in the Banking Ordinance as "the business of receiving money on current or deposit account, paying and collecting cheques drawn by or paid in by customers and making advances to customers". This has been widened to include any "fringe banking business" and would provide the Central Bank with a legal basis for controlling and regulating "fringe banking business", such as merchant banking, which may develop from time to time, without having to introduce new legislation each time".

Ini saya rasa, satu soalan dasar yang kita telah mengamalkan setakat ini, setahu saya. Kalau perkara-perkara itu tidak menjadi soal segi undang-undang kita boleh buat. Kalau kita katakan ini perkara tidak boleh buat, kita terangkan di dalam undang-undang. Nampaknya di sini kita hendak memberi pula kuasa yang kita tak tahu apa kuasa yang hendak dijalankan. Apakah perkara-perkara yang lain yang dianggapkan oleh Gabenor Bank Negara sebagai banking business—any other banking business? Kuasa-kuasa delegated legislation, saya rasa sudah terang; di dalam undang-undang ini sekali pun kita ada beri kuasa delegated legislation, di bawah perkara-perkara yang tertentu. Tetapi di sini ini bukan kuasa delegated legislation, ini luas daripada itu. Kita beri—blank cheque kepada Bank Negara sungguhpun melalui Menteri Kewangan untuk membuat apa juga yang dianggapnya patut. Saya suka bertanya di sini, apakah lain-lain perkara yang di dalam pandangan Bank Negara sekarang yang hendak diisikan di dalam check ini. Saya tidak tahu. Jikalau kita membuat undang-undang, kita tahu, ini perkara boleh buat, ada perkara tidak boleh buat. Jika orang hendak berniaga, hendak mengadakan bank sekali pun dia tahu ini perkara satu dua tiga dan empat tidak boleh dia buat. Jangan pada satu hari timbul Bank Negara mengatakan ini dia perkara baharu yang awak tidak boleh buat. Saya rasa, ini sudah bertentangan dengan cara kita membuat undang-undang. Sebagai saya katakan tadi ini lebih daripada kuasa delegated legislation. Ini luas daripada

itu. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi saya sedikit penjelasan berkenaan dengan perkara itu. Apakah perkara-perkara lain yang didugakan selain daripada merchant banking yang dimaksudkan di bawah takrif yang luas ini? Kalau di sini, setakat yang ada, ini kita sudah tahu: perniagaan menerima wang kita tahu, account semasa kita tahu deposit kita tahu. Saya rasa yang lain-lain itu terlampau luas. Patutlah kita tahu dan, saya rasa, tidak patut kita buat cara ini. Kalau perlu dipinda Undang-undang Bank kita boleh bawa lagi sekali kepada Parlimen—kerana ini menentuhkan dasar.

Perkara yang kedua, saya hendak timbulkan, ialah berkenaan dengan Fasal 6 (3). Di bawah Fasal 6 ini ialah berkenaan dengan bank-bank yang dipunyai oleh orang-orang asing. Kita telah menetapkan di sini jikalau bank-bank itu dipunyai oleh negara asing, maka tidaklah dibenarkan berjalan di negara kita ini. Saya ingat itu satu perkara yang baik, tetapi saya tidak tahu bagaimana hendak mengawali mereka. Di sini saya suka bertanya samada Kerajaan bercadang supaya syer-syer dalam bank-bank itu tidak boleh diberi atau dibuat atas nama satu nominee—syarikat nominee. Jadi bermakna kalau syer-syer itu atas nama syarikat nominee kita tidak tahu siapakah tuan punya yang sebenar. Saya tahu banyak perusahaan-perusahaan lain yang sengaja dibubuhkan atas nama syarikat nominee tetapi apabila kita tengok, kita tidak tahu siapa tuan punya yang sebenar. Tetapi saya rasa dalam segi bank patutlah sangat tiap-tiap pemilik saham mestilah dengan namanya sendiri samada syarikatnya yang boleh kita periksa atau nama perseorangan yang kita juga boleh periksa, tetapi tidaklah boleh dibenarkan atas nama nominee.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di Pertua, ialah Fasal 8. Ini perkara baharu iaitu hendak mengenakan bayaran lesen tahunan daripada bank-bank. Setakat ini belum lagi ada lesen-lesen tahunan atau bayaran tahunan yang dikenakan kepada bank. Ini perkara baharu dan saya di sini meminta kalau boleh supaya kita bezakan di antara bank yang diperbadankan di negara kita dan bank-bank asing iaitu bank-bank yang diperbadankan di luar Malaysia. Saya rasa kita tidak salah dari segi Perlembagaan Malaysia jikalau kita bezakan antara warganegara dan bukan warganegara, tidak salah, jika kita bezakan

di antara kompi atau bank ditubuhkan di negara kita dan bank yang diperbadankan luar daripada Malaysia. Di sini jikalau hendak bayar lesen, saya tidak keberatan jikalau Kerajaan hendak mengenakan sekurang-kurangnya dua kali ganda bayaran lesen-lesen oleh bank-bank yang diperbadankan luar daripada Malaysia.

Fasal 9. Ini berkenaan dengan penggunaan nama bank. Inilah satu caranya, saya rasa, yang mana Bank Negara diberi kuasa supaya tidak ada orang ataupun syarikat yang boleh menggunakan nama "bank." Setakat ini saya nampak ada beberapa perusahaan merchant banking yang telah diberi kuasa untuk menggunakan nama "bank". Umpamanya Malaysian International Merchant Bank. Kalau tidak salah saya ada lima atau enam yang ada sekarang ini mungkin banyak lagi yang timbul. Mereka ini sungguhpun tidak menjalankan perusahaan-perusahaan sebagai bank perdagangan, tetapi ada juga perusahaan-perusahaan yang mereka jalankan itu berkaitan dengan kedudukan bank. Nampaknya tidak ada undang-undang yang khusus setakat ini, jadi mungkin dari satu masa kesatu masa Bank Negara akan mengambil pandangan terhadap gerakan Merchant Bank yang saya maksudkan di sini.

Di bawah Fasal 10, Tuan Yang di Pertua, yang saya hendak timbulkan ialah berkaitan dengan "Pemeriksaan orang-orang yang disyaki menguruskan perniagaan bank". Di sini saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri, kerana saya tahu ada juga company-company yang menjalankan "credit card" yang memberikan wang jikalau dia mengeluarkan credit cardnya. Kalau tidak salah American Express umpamanya, barangkali belum lagi diadakan di sini—rasa saya di negeri-negeri lain sudah banyak yang mana juga dianggap pergerakan international—boleh memberikan wang jikalau kita menunjukkan kad kita, setakat sekian banyak. Di sini saya sukalah mendapat penjelasan samada kad-kad semacam ini kalau ditunjukkan kepada kedai-kedai ataupun tempat-tempat, pejabat-pejabatnya di sini bolehkah mereka itu mendapatkan wang tunai? Saya minta penjelasan sedikit, adakah di bawah Fasal 10 ini termasuk pemeriksaan company-company yang menjalankan credit card?

Satu lagi penjelasan, Tuan Yang di Pertua, ialah berkenaan dengan Fasal 18. Di bawah

Fasal 18 ini ada mengatakan, "Tiada perbezaan antara bank-bank". Ini cuma dari segi interpretation. Saya kuatir samada barangkali saya tersalah, saya harap saya salah, ini cuma tafsiran, samada fasal ini tidak bertentangan dengan Fasal 16 (5). Saya harap Timbalan Menteri dapat memberi saya sedikit penjelasan dari segi itu.

Fasal 20, Tuan Yang di Pertua, ialah "Kunci Kira-kira yang diodit". Di sini dimestikan supaya tiap-tiap bank yang berlesen menyiarkan kunci kira-kira yang berodit dan disiarkan di dalam surat-surat khabar tempatan. Saya juga harap supaya, kalau boleh, kunci kira-kira ini disiarkan juga di dalam *Warta Kerajaan*, kerana jika ada disiarkan di dalam *Warta Kerajaan* itu ada siri nombor—banyak orang menyimpan sebagai rekod, tetapi surat-khabar itu barangkali susah sedikit, kalau tidak ada keberatan, rasa saya, dari segi bank, barangkali dia tidak ada susah hendak membayar kepada Pencetak Kerajaan kerana menyiarkan itu, kalau boleh, mintalah juga supaya kunci kira-kira ini yang sudah diodit itu disiarkan juga di dalam *Warta Kerajaan*.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di Pertua, ialah berkenaan dengan Fasal 24. Sebenarnya Fasal 24 ini adalah lebih ketat dan lebih baik daripada seksyen 14 Ordinan Bank, 1958. Tetapi saya rasa hairan sedikit kenapa perkataan "Pengawalan" di bawah seksyen 24 itu tidak ditafsirkan seperti yang telah ditafsirkan di bawah Fasal 23. Nampaknya di bawah Fasal 23 ini ada tafsiran "pengawalan". Jadi di bawah itu cuma dihadkan kepada Fasal 23 sahaja, jadi bila sampai ke Fasal 24 itu tidak diberikan tafsiran. Sepatutnya tafsiran "pengawalan" itu dikenakan kepada kedua-dua fasal—Fasal 23 dan juga Fasal 24.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.45 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, satu lagi perkara yang saya suka hendak sentuh ialah berkenaan

dengan Fasal 27. Ini satu fasal yang rasa saya penting dan mungkin tidak disengajakan, kerana bila saya baca Fasal 27 ini, Tuan Yang di Pertua, saya dapati ini mendiskriminasikan bank-bank yang diperbadankan di Malaysia. Sungguhpun tujuan Fasal ini adalah baik, tetapi bila kita pandang dengan halus, kita dapati bahawa fasal ini sudah tentu mendiskriminasikan bank-bank yang diperbadankan di Malaysia. Bank-bank yang ada lesen sekarang yang diperbadankan di Malaysia tidak banyak, kalau saya tidak salah 5-6 bank sahaja, tidak banyak, tetapi banyak bank seperti yang saya katakan awal tadi yang ditubuhkan di negara luar, di Singapura. Seperti saya katakan tadi juga, pergerakan ekonomi di antara Singapura dengan sini tak ada banyak bezanya. Orang Singapura juga berniaga di sini, banyak juga orang-orang Singapura melaburkan modal-modalnya di sini, mengadakan syarikat-syarikat di sini. Jadi jika kita baca Fasal 27 ini, Fasal 27 ini mengenakan hanya kepada pengarah ataupun syarikat-syarikat yang mana pengarahnya ada kaitan, ini dikenakan hanya kepada bank yang diperbadankan di Malaysia. Tetapi jikalau bank itu diperbadankan di Singapura umpamanya, mereka tidak terkena kepada Fasal 27 ini. Saya harap perkara ini Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan kenapa kita bezakan atau kita diskriminasikan terhadap bank yang diperbadankan di negara kita. Nampaknya fasal ini memberatkan bank kita sendiri dan tidak bank yang diperbadankan di luar Malaysia. Sebenarnya, kalau kita hendak mendiskriminasikan patutlah kita mendiskriminasikan kepada bank yang diperbadankan di luar Malaysia bukan kepada bank kita. Saya harap fasal ini bukanlah disengajakan, tetapi tak disengajakan iaitu perkataan:

"Kecuali sebagaimana diperuntukkan di bawah perenggan (c) Seksyen Kecil (1) Seksyen 26 tiada sesuatu bank berlesen yang diperbadankan di Persekutuan boleh memberi sesuatu pendahuluan".

Saya rasa kalau kita hendak betulkan ini, apa yang perlu dibuang ialah "yang diperbadankan di Persekutuan". Itu baharu adil, kena kepada semua pengarah bank, bukan kepada pengarah bank yang diperbadankan di Malaysia sahaja.

Kalau kita bandingkan Fasal-fasal 27 dan 28 kita dapati di bawah Fasal 28 itu juga,

berkenaan Penzahiran kepentingan oleh pengarah-pengarah—di bawah Fasal 28 kita tidak mendiskriminasikan. Itu yang sebenarnya pada pendapat saya.

Fasal 29, Tuan Yang di Pertua, iaitu Batas mengenai overdraft atau lain-lain kemudahan kredit bagi maksud membiayai pembelian atau pemegang syer-syer. Ini satu peruntukan baru dan ada baiknya. Saya cuma hendak minta penjelasan sedikit samada syer-syer yang dimaksudkan di bawah peruntukan ini dikenakan kepada syer-syer yang disebut di pasar saham atau stock exchange ataupun dikenakan juga kepada syer-syer syarikat sendirian berhad. Saya tahu banyak syarikat sendirian berhad, kalau bank itu sanggup menerima boleh dicagarkan syer-syernya. Saya harap di bawah peruntukan Fasal 29 ini, apa yang dimaksudkan ialah kepada syer-syer yang disebut atau quoted di stock exchange sahaja dan tidak terikat kepada syer-syer private. Saya harap dapat sedikit penjelasan.

Fasal 36, Tuan Yang di Pertua, ialah berkenaan Perahsian bank. Ini saya rasa satu perkara yang sangat baik, sungguhpun kalau kita memandangkan kepada tugas-tugas bank ini adalah satu tugas yang mustahak yang tak payah dibuat undang-undang. Ini satu perkara yang memang patut sudah diamalkan dengan sendirinya, tetapi di negara kita ini nampaknya pegawai-pegawai bank tidaklah begitu bertanggungjawab. Kadang-kadang kalau kita meminjam duit, beberapa hari selepas itu serata bandar, serata dunia sudah tahu kita telah meminjam duit sekian banyak. Perkara itu patut dirahsiakan, dan dengan adanya peruntukan dalam undang-undang ini, maka tak banyaklah rahsia-rahsia banka akan bocor. Saya juga berharap supaya Persatuan Pekerja-pekerja Bank atau National Union of Bank Employees patuh juga kepada peraturan-peraturan ataupun undang-undang yang dikenakan di sini.

Di bawah Fasal 36 (2) ini ada peruntukan yang mana bank-bank dengan persetujuan Bank Negara boleh memberi keterangan ataupun maklumat untuk menilai kelayakan kredit pelanggan itu berhubung dengan biro kredit yang ditubuhkan dengan kelulusan Bank Negara. Ini barangkali satu perkara baru yang kita bubuh di dalam undang-undang. Sungguhpun secara amalan rasa

saya perkara ini sudah berlaku beberapa lama, umpamanya kalau saya hendak pinjam duit, jadi bank boleh menyelidiki latar-belakang saya, berapa pendapatan saya, dengan siapa yang ada berhutang, berapa orang isteri berapa tanggungan dan sebagainya. Ini selalunya biasa dijalankan dan kalau di bawah undang-undang defamation ataupun libel, barangkali bank yang memberi maklumat itu tidak boleh didakwa kerana ada common interest. Sebenarnya perkara ini telahpun menjadi kekecohan di England, kalau tak salah saya yang mana Younger Committee on Privacy telah menyentuh perkara ini, iaitu jikalau maklumat yang hendak diminta itu meliputi keperibadian seseorang itu, maka mestilah orang yang ditanya itu patutlah diberitahu sama. Perkara ini sudah dikaji, rasa saya, oleh Younger Committee on Privacy tadi. Rasa saya, sebelum Bank Negara memberi ataupun membenarkan Biro ini boleh berjalan, patutlah juga dikaji dari segi ini. Ini ialah untuk menjaga kepentingan pengguna (consumer) hak-hak pengguna, sungguhpun kita sedar bahawa orang yang hendak memberi kredit itu patut diberi kesempatan mengetahui samada credit yang dibahagi itu ada risk ataupun tidak, tetapi biarlah perkara yang ditanya itu mendapat keadilan juga.

Fasal 38 dan Fasal 39 ialah fasal-fasal yang telah dikemukakan pada masa darurat dahulu dan ini adalah peruntukan-peruntukan yang baik, bukan sahaja untuk menjaga nama baik bank itu, tetapi juga nama baik Negara kita. Maknanya jikalau bank itu mendapat kesulitan, maka dengan serta-merta Bank Negara boleh mengambil tindakan. Tindakan di sini ada bermacam-macam yang dibahagi di bawah Fasal 38 dan Fasal 39. Janganlah terjadi sepertimana yang berlaku di Asia Barat tidak berapa lama dahulu yang mana suatu bank yang kukuh yang cukup mempunyai harta, tetapi bila ada berlaku kekecohan, maka Bank Negeranya itu tidak datang membantunya. Itu telah melibatkan bukan sahaja nama baik bank itu, tetapi juga nama Negara itu.

Di sinilah, rasa saya, Fasal 38 dan Fasal 39 ini adalah satu perkara yang baik yang mana Bank Negara boleh, jika didapati bank itu mengalami kesusahan, boleh campur tangan untuk memperbaiki bukan bermakna bank itu tidak ada harta (asset)—tidak. Di sini, adalah satu peruntukan yang amat bijak.

Satu lagi penjelasan yang saya minta ialah berkenaan dengan Fasal 44 (2). Apakah tujuan sebenarnya di bawah Fasal 44 (2) yang menyatakan:

44. (2) Bank Negara boleh, dengan kelulusan Menteri, jika difikirkannya berfaedah kepada kepentingan-kepentingan pendeposit-pendeposit itu, memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah menahan permulaan atau penerusan mana-mana pembicaraan oleh atau terhadap bank itu berkenaan dengan apa-apa perniagaan bank itu. Sesuatu perintah itu adalah sah selama suatu tempoh tidak lebih daripada enam bulan.

Ini barangkali ganjil sedikit, tetapi saya mengerti maksudnya di sini. Apa yang saya hendak tahu ialah diperingkat bila yang mana Bank Negara boleh memohon kepada Mahkamah. Umpamanya kalau ada tuntutan terhadap sesuatu bank katalah berjuta-juta ringgit, maka di bawah peruntukan ini Bank Negara boleh meminta permohonan daripada Mahkamah Tinggi. Di sini saya hendak tahu di peringkat manakah yang Bank Negara boleh campur tangan samada sebagaimana yang dinyatakan: Sebelum perjalanan tuntutan itu, atau semasa perjalanan, ataupun selepas perintah yang telah didapati, iaitu setelah judgement debt telah diberikan oleh Mahkamah Tinggi maknanya sebelum perkara tuntutan itu dilaksanakan. Saya hendak tahu dengan lebih lanjut sedikit di peringkat manakah yang mana Bank Negara boleh mencampuri di sini?

Akhir sekali, Tuan Yang di Pertua, saya juga minta penjelasan di bawah Fasal 59 mengenai dengan pengecualian. Di sini disebutkan iaitu peruntukan-peruntukan Akta ini tidaklah dipakai bagi:

59. (1) —

- (a) Bank Simpanan Pejabat Pos
- (b) apa-apa perniagaan pemegang pajak-gadai
- (c) mana-mana syarikat meminjam yang diberi lesen di bawah Akta Syarikat Meminjam, 1969.

Saya minta penjelasan supaya perkara ini terang kepada umum supaya tidak keliru pada masa hadapan, kerana kalau kita tengok di bawah undang-undang yang ada sekarang

ini iaitu Ordinan Bank tahun 1958, Seksyen 31, juga mengecualikan:

- (a) Bank Simpanan Pejabat Pos;
- (b) Cooperative Societies registered under the Cooperative Societies Ordinance, 1948; dan
- (c) Any business of pawnbrowsing (pajak gadai).

Maka nampaknya di bawah Rang Undang-undang baharu ini Cooperative Societies tidak lagi dimasukkan di bawah peraturan ini. Adakah itu bermakna bahawa yang Akta ini juga meliputi pergerakan bank yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Syarikat Kerjasama? Begitu juga Bank yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Pertanian. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan iaitu Bank Pertanian dan Bank Rakyat (Bank Kerjasama) yang dikenali sekarang ini tidak terikat di bawah peruntukan Rang Undang-undang ini.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini yang mana seperti saya katakan tadi pada keseluruhannya adalah suatu Rang Undang-undang yang baik yang boleh mengawal kesetabilan bank-bank yang ada di negara kita ini. Dan dengan itu juga, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan saya suka hendak bercakap di atas dasar susunan baharu Undang-undang Bank ini dibuat.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Senator Kamarul Ariffin bahawa Menteri yang berkenaan semasa mengemukakan Rang Undang-undang ini telah menyatakan bahawa telah mengambil masa 14 tahun Kerajaan menjalankan Undang-undang Bank yang dahulu dengan percubaan untuk memujuk bank-bank itu menyesuaikan diri dengan dasar-dasar dan kemahuan Kerajaan, tetapi telah gagal, maka terpaksa Kerajaan mengadakan suatu undang-undang yang baharu yang lebih ketat, yang lebih kemas kerana mereka tidak dapat mengikuti kehendak dan tujuan Kerajaan sesuai dengan masa pembangunan ini.

Ini satu daripada contoh yang mana saya telah bercakap dalam masa perbincangan belanjawan sedikit hari dahulu iaitu pemodal-pemodal besar ini mereka adalah mementingkan modal mereka sahaja dan sangatlah susah bagi Kerajaan menggunakan pujuk rayu bagi menyesuaikan perjalanan mereka itu dengan kehendak dan dasar Kerajaan dalam perimbangan ekonomi yang telah teratur dan dipersetujukan oleh Parlimen ini.

Itulah sebabnya, saya telah merayu kepada Kerajaan supaya mengenakan undang-undang bagi mendapatkan 30% dalam masa 20 tahun itu dan ini telah timbul satu contoh, tanda yang menunjukkan bahawa pujukrayu itu tidak boleh memberi kesan yang baik dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan pada masa ini. Dan sudah sampai masanya bagi Kerajaan mengkaji bukan sahaja undang-undang bank ini, tetapi undang-undang lain yang patut dikaji supaya dapat dasar Kerajaan itu berjalan dengan baik.

Dalam masaalah bank ini, saya menyokong kuat rakan saya Yang Berhormat Encik Kamarul Ariffin yang telah mengemukakan bagaimana nasibnya bumiputra ataupun orang Melayu dalam lapangan bank ini. Tidak ada satu bank pun yang dipunyai oleh orang Melayu atau yang dikuasai oleh bumiputra dalam negara kita ini dan apabila dibuat undang-undang baharu ini, maka telah ditarik balik kuasa mengecualikan bank syarikat kerjasama yang boleh dikatakan modal besarnya duduk di tangan orang-orang kampung, orang-orang kecil dan dipunyai oleh bumiputra-bumiputra. Jadi sekarang Bank Kerjasama ini sudah dikenakan syarat di bawah peraturan baharu ini dan tidak boleh dikecualikan. Ini satu undang-undang bukan sahaja menggalakkan bumiputra hendak membuka bank, tetapi mengetatkan lagi daripada bumiputra membuka bank-banknya sendiri, daripada orang Melayu berpakat membuat syarikat kerjasama membukakan bank. Sepatutnya Bank Negara ini ataupun Kerajaan mengadakan satu keistimewaan bagi menggalakkan orang-orang Melayu buka bank.

Dalam undang-undang ini ada mengatakan kalau bank itu dimodali oleh pemodal asing ataupun pendaftarannya di luar daripada Malaysia ini, maka deposit yang dikenakan ialah sekurang-kurangnya \$5 juta tetapi apabila bank itu didaftarkan di Malaysia ini, depositnya ialah cuma \$2 juta sahaja, meng-

ikut undang-undang ini, samada betul atau tidak, saya tidak tahu. Jadi kalau hendak berikan keistimewaan kepada bumiputra orang Melayu, kita buat satu lagi. Kalau bank itu dimodali oleh bumiputra atau orang Melayu, maka depositnya memadai dengan \$1 juta sahaja supaya membanyakkan orang-orang Melayu berpakat membukakan bank. Ini adalah pengecualian yang boleh menggalakkan semangat orang-orang Melayu ataupun bumiputra yang baharu bangkit yang mahu mencebur sama diri dalam lapangan kewangan ini. Kalau orang Melayu kita tidak masuk dalam money market, dalam kumpulan kewangan ini, di mana tapaknya orang Melayu hendak berniaga? Tambahan pula bank ini ada hubungan perdagangan. Kalau membuka L.C. hendak order barang luar negeri, kalau kita pergi bank yang ini, kalau orang bumiputra pergi, barangkali dia tidak berapa hendak percaya kalau hendak buka L.C. mesti 100% simpan duit dalam bank itu baharu boleh buka L.C. Kalau 100% sudah berapa bulan barang tidak sampai, duit sudah disimpan di situ 100%, 80%, 70% tetapi bagi orang yang sudah ada kenalan dan kebiasaan, barangkali dia taruh 30%, 50% cukup, boleh order barang berapa banyak hendak order, L.C. dibuka. Jadi kalau sekiranya ada Bank Bumiputra, Bank Orang Melayu kita yang ada kenalan dikalangan orang Melayu, barangkali boleh beri pertimbangan boleh meletakkan kepercayaan yang orang-orang Melayu boleh berdagang, bolehlah meluaskan perniagaannya dari segi perdagangan luar dan sebagainya. Inilah pentingnya kepada bank.

Selain daripada itu, saya suka hendak sebutkan juga di sini bila saya sebut fasal lesen, hak istimewa orang Melayu itu ada dari segi Perlembagaan. Dalam Artikel 153 Perlembagaan ada mengatakan hak keistimewaan orang Melayu ialah perkara yang berkaitan dengan jawatan, berkenaan dengan scholarship dan berkenaan dengan lesen-lesen perdagangan dan perniagaan. Kalau bank ini satu daripada jenis lesen perdagangan, kenapa Kerajaan tidak boleh mengadakan satu cara istimewa yang boleh menggalakkan orang Melayu mengambil lesen itu dengan cara yang lebih mudah daripada orang lain supaya dapat orang Melayu bangkit dan membukakan banknya sendiri. Jadi inilah benda yang patut diperhatikan oleh pihak Bank Negara dan juga pihak Kerajaan.

Satu lagi saya tengok macam bank-bank yang ada dalam negara kita ini kakitangannya boleh dikatakan sedikit sangat orang Melayu kita bekerja. Ini adalah sebabnya yang tuan punya bank itu bukan bumiputra dan mereka ini bila hendak buka bank, mereka cari umpamanya orang yang bukan bumiputra lebih ramai daripada bumiputra yang bekerja. Ini satu lagi daripada masalah yang bertentangan dengan dasar untuk mengimbangkan pengurusan dan pekerja-pekerja dalam syarikat dan dalam perusahaan-perusahaan seperti bank ini. Kalau kita tengok terutama bank-bank yang didaftarkan di luar negeri bila datang ke sini, saya tengok pekerja-pekerja Melayu sangatlah kurang. Jangan kata bank luar negeri, Malayan Banking sendiri yang Kerajaan baharu-baharu ini membeli syer, kalau tidak salah saya, syer dipegang oleh Kerajaan atau perbadanan Kerajaan, saya tidak faham, tetapi maknanya ada saya dengar berita dalam akhbar, kalau tidak salah saya, ada Perbadanan Kerajaan yang memegang syer Malayan Banking itu. Jadi Malayan Banking itu sendiri, katanya boleh kata, kalau tidak silap, barangkali 20% pun takut, 10% pun takut. Itu yang kita tengok. Kalau sekiranya perkara yang berlaku macam ini kita tidak awasi, tidak jaga, di mana kita hendak cari orang Melayu yang boleh bekerja dalam bank ada pengalaman, kita hendak latih dia masuk di mana tempatnya. Bank Bumiputra tidak ada tempat yang cukup yang boleh mengeluarkan pengusaha-pengusaha bank ini.

Sekarang kita hendak masukkan dalam bank perdagangan, bank perdagangan pilih orang dia, orang-orang yang bukan bumiputra. Hendak masukkan dalam Bank Bumiputra, bank yang dipunyai oleh bumiputra, ada satu sahaja Bank Bumiputra kepunyaan Kerajaan. Itulah satu tempat Melayu hendak bekerja penuh sesak di situ. Jadi inilah kelemahan yang ada dalam pengawasan, dalam perjalanan yang ada dalam masalah bank-bank yang ada dalam negara kita ini.

Kamudian satu lagi saya hendak cakapkan, saya dapat tahu Kerajaan, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Encik Kamarul Ariffin iaitu Credit Guarantee Corporation yang dianjurkan oleh Bank Negara. Saya telah dengar penerangan yang diberikan oleh Credit Guarantee Corporation ini tentang penubuhan badan ini untuk

menolong peniaga-peniaga kecil. Tetapi setahu saya daripada penerangan yang saya dengar, badan ini tidak ada modal. Badan ini cuma menjadi penghubung di antara bank dan pemohon pinjaman. Tiap-tiap orang yang hendak meminjam, dia pergi ke bank, tunjukkan projek yang dia hendak meminjam itu dan bank itu akan menimbang adakah patut projek itu diberi pertimbangan untuk diberi pinjaman atau tidak? Sekiranya manager bank itu fikir tidak layak diberi pinjaman, maka manager bank itu boleh tolak. Cumanya apabila manager bank itu berfikir patut diberi pinjaman tetapi si-peminjam itu tidak mempunyai cagar, baharulah bank yang berkenaan edarkan permohonan itu kepada Credit Guarantee Corporation ini untuk mendapat jaminan. Ini sahaja khidmat yang diberi. Khidmat itu merupakan satu khidmat mengahwinkan di antara bank dengan pemohon pinjaman. Kalau salah satu daripada dua pihak itu tidak suka hendak berkahwin, Credit Guarantee Corporation tidak boleh mengahwinkan. Kalau bank manager kata tidak bersetuju, tidak ada kuasa boleh Credit Guarantee Corporation kata: awak kita beri. Tidak ada kuasa. Tidak ada satu kuasa dan peraturan yang dikenakan kepada bank mesti menerima nasihat ataupun arahan daripada Credit Guarantee Corporation, walaupun Credit Guarantee Corporation sanggup menjamin. Ini satu masalah, saya rasa, kalau kita timbangkan halus-halus sedikit sangatlah berfaedah ditubuhkan credit corporation, melainkan credit corporation ini mempunyai kuasa ataupun credit corporation ini mempunyai modal reserve, satu kumpulan wang di Bank Negara yang boleh credit corporation kata, bank awak beri pinjaman pada orang ini, bagaimana projek hendak dibuat. Kalau sekiranya ada apa-apa kekurangan, kami boleh beri, ini ada peruntukan untuk bank itu menerima duit daripada credit corporation. Di situ baharulah Credit Guarantee Corporation itu ada kukunya, ada kuasanya sedikit. Ini Credit Guarantee Corporation tidak ada kuasa, jadi seperti kata orang tukang mengkawinkan sahaja. Kalau dua pihak bersetuju bolehlah kawin, kalau satu tidak bersetuju tidak boleh kawin. Jadi dia ini macam itu sahajalah. Jadi saya rasa ini tidak elok, kalau betul-betul hendak buat satu langkah yang berkesan kenalah buat dengan cara peraturan yang kemas dan kena beri kuasa-kuasa yang tertentu kepada credit corporation ini.

Selain daripada itu, saya suka juga hendak sebutkan Bank Bumiputra. Betullah Kerajaan tubuh bank Bumiputra untuk menjadikan sebuah bank yang dapat menolong bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan. Dan sepatutnya Bank Bumiputra mendapat sambutan daripada semua pihak Kerajaan. Tetapi saya tidak tahulah banyak mana, tetapi mengikut pendapat saya yang dahulu sedikit sangat wang Kerajaan sendiri masuk dalam Bank Bumiputra. Sebab wang yang dipegang oleh jabatan-jabatan Kerajaan ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri ialah dikuasai oleh Treasury di Negeri masing-masing. Kalau Treasury hendak masukkan dalam Mercantile Bank umpamanya, Malayan Banking umpamanya, atau Chartered Bank dia boleh buat begitu. Dan tidak ada semangat untuk menguatkan Bank Bumiputra itu. Jadi Bank Bumiputra barangkali tidak dapat sepenuhnya daripada wang Kerajaan sendiri. Ini bank Kerajaan tetapi dia tidak dapat separuh daripada wang Kerajaan yang Kerajaan keluarkan untuk urusan Kerajaan. Jadi bagaimanalah bank itu hendak kuat, kalau bank Kerajaan sendiri tidak dapat sokongan daripada pejabat-pejabat Kerajaan sendiri ataupun daripada Treasury yang mengawasi wang daripada tiap-tiap negeri itu. Kalaulah boleh saya hendak minta Menteri yang berkenaan cuba keluarkan satu arahan bertanya berapa banyak jabatan yang menyimpan wang dalam Bank Bumiputra di tiap-tiap Negeri.

Wang Kerajaan banyak bermelion-melion ringgit wang dalam tiap-tiap satu Negeri, berapa banyak yang telah disimpan di dalam Bank Bumiputra dan berapa banyak yang disimpan di dalam bank yang bukan Bank Bumiputra supaya dapat perbandingan berapa peratus disimpan dalam Bank Bumiputra, pejabat mana yang simpan, pejabat mana yang belum simpan. Sekiranya ada yang belum simpan kita tanya fasal apa dia tidak simpan dalam Bank Bumiputra—bank Kerajaan sendiri, itu kita hendak tahu. Sebab kalau hendak menguatkan satu bank ini bukanlah dengan modal bank itu. Kekuatan bank boleh terhenti pada wang yang disimpan, wang yang didepositkan di dalam bank itu. Kalau wang yang disimpan dalam bank itu banyak, maka kuatlah bank itu. Kalau wang disimpan dalam bank itu sedikit, maka lemahlah bank itu.

Kekuatan wang ini letaknya kepada Kerajaan, serupa juga dalam segi perdagangan. Kekuatan pembeli itu duduk pada Kerajaan. Consumer yang paling besar dalam negara ini Kerajaan, dia beli segala helicopter, dia beli segala meriam, dia beli segala peluru, dia beli submarine dan sebagainya, ini sudah ratus melion, consumer yang besar dalam negara kita ini Kerajaan, juga yang menyimpan wang dalam bank Kerajaan. Jabatan Kerajaan harta Kerajaan yang banyak dalam negara kita ini. Jikalau sekiranya harta Kerajaan tidak dapat menolong perbadanan Kerajaan sendiri, tidak dapat menolong menjayakan dasar Kerajaan sendiri, bagaimana kita hendak harapkan kita berjaya dalam masa 20 tahun dengan rancangan yang kita buat. Jadi inilah saya rasa perlu Timbalan Menteri yang berkenaan yang ada pada hari ini, beritahu kepada Menteri penuhnya keluarkan satu arahan, tanyakan semua bank. Ini bank Kerajaan, berapa banyak wang telah simpan, mana pejabat yang belum fasal apa, kalau tidak gunakan kuasa Treasury di Federal ini, tekan sedikit gunakan sedikit apa-apa yang boleh supaya mereka ini terasa kena simpan. Ini tidak, setengah-tengah daripada orang yang berkuasa memegang wang ini dipujuk oleh manager bank baharu simpan duit dalam bank. Mana manager yang pandai pujuk di situ dia simpan duit. Hendak pujuk itu senang, saya menjadi manager bank boleh saya pujuk sebab saya manager bank. Semua orang hendak baik pada saya, jadi senanglah saya pujuk. Saya minta supaya Menteri yang berkenaan mengambil langkah yang agak berkesan dalam masa-masa menguatkan bank Kerajaan dan menggalakkan bank orang Melayu dalam negara ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas teguran-teguran yang dibuat oleh kedua-kedua Ahli Yang Berhormat itu.

Bagi menjelaskan berkenaan dengan soalan samada Bank Negara telah membenarkan pemodal-pemodal bumiputra menubuhkan banknya sendiri ini adalah satu soalan yang harus dikaji dengan halus dan haruslah Kerajaan akan membuat kenyataan pada masa akan datang.

Berkenaan dengan komisen yang dipungut daripada cek luar (out-station) itu, perkara

ini akan dibawa kepada Kesatuan Bank Malaysia dan Singapura untuk mereka mengkaji dan membuat pertimbangan.

Berkenaan credit card pula, Tuan Yang di Pertua, ini juga akan dibawa pada pertimbangan, the Association of Banks Malaysia and Singapura. Difinasi berkenaan dengan bank business izinkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) As stated by the Minister of Finance, the provision has been widened to provide the Central Bank with a legal basis for controlling and regulating fringe banking business which may develop from time to time without having to bring in new legislation each time. However, it is not the intention to subject such fringe banking business to all the requirements of the Banking Legislation, but fringe banking business would be exempted from the Banking legislation under certain terms and conditions to be imposed for the purpose of regulation and control. This power is given under Clause 59 (2). Lagi pula, kalau saya memberi kesanggupan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini iaitu pihak yang berkuasa dalam Bank Negara tidak akan mengenakan kuasa ini bagi menahankan, menyekatkan kemajuan satu-satu bank, sekiranya peruntukan ini dilaksanakan.

Soal berkenaan interpretation Clause 6 dalam bahasa Inggerisnya—How do we determine whether shares of foreign-owned banks are not controlled by foreign Governments through nominees? Before a Banking Licence is issued to a foreign bank, every effort is made to determine from reliable sources of information that shares of the respective bank are not controlled by any foreign government. Moreover, under the Banking legislation, any change in the control of management of a licensed bank must be approved by the Minister.

Di sini, Tuan Yang di Pertua, tentulah bagi satu Kerajaan luar hendak menggunakan satu nominee ataupun agent, ini adalah berfikiran kasar sangat sukar. Jadi tentulah kalau yang kerajaan luar hendak menggunakan nominee ataupun agent-agent tentulah perkara ini, rahsia ini akan boleh dicari ataupun menjadi bocor. Dengan sebab itu, tidak haruslah Kerajaan luar menggunakan nominee. Jadi bagi pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali Yang Ber-

hormat Senator Kamarul Ariffin, ada bank-bank dalam negara kita yang telah dimiliki oleh Kerajaan luar dan saya sukacita menerangkan iaitu bank-bank ini dengan persetujuan Kerajaan luar itu telah bersetuju menjadikan satu bank misalnya amalgamation of three banks into one bank with local participation, itu dengan anggaran modalnya 51% untuk rakyat negara ini dan 49% sahaja untuk bank-bank yang telah dijadikan milik oleh Kerajaan dan bank-bank tadi pun tidaklah menjadi milik Kerajaan luar lagi kerana bank-bank itu akan diamalgamate dan akan didaftarkan di dalam negara kita ini dan sebagai saya kata tadi sharenya akan dijual kepada anak negara ini—rakyat di negara kita.

Berkenaan dengan teguran terhadap Clause 8, discrimination bayaran lesen iaitu Clause 8 (2) empowers the Minister to prescribe different licence fees for different banks according to size or location or both. Ini ialah Fasal 8 (2) Tuan Yang di Pertua, kalau digunakan satu bayaran sahaja, walau samada bank ini atau cawangan ditubuhkan di bandar besar ataupun di luar bandar, maka sudah tentulah tidak akan memberi keadilan kepada bank yang dikatakan ditubuhkan di luar bandar kerana perniagaan yang kecil. Jadi kalau bayaran yang mahal, maka haruslah bank-bank itu tidak akan diadakan di luar bandar, walhal Kerajaan berkehendakkan untuk memberi service kepada rakyat di luar bandar, maka mustahaklah bank-bank ini diadakan cawangannya di luar bandar. Jadi kalau dikenakan sama juga dengan bank dalam bandar seperti di Kuala Lumpur ini, sudah tentulah payah bagi pihak-pihak bank ini mewujudkan bank-bank di luar bandar. Jadi dengan sebab itulah tidak akan disamakan bayaran lesen itu kepada semua bank.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Untuk penjelasan, Tuan Yang di Pertua, Apa yang saya maksudkan di bawah Fasal 8 ini dari segi bank yang diperbadankan di Malaysia dan bank yang di perbadankan di luar Malaysia. Jadi saya cuma tentukan statusnya. Maknanya kalau kita hendak bezakan dari segi bayaran tahunan itu, rasa saya tidak ada salahnya kalau kita kenakan lebih sedikit kepada orang luar, ini yang dimaksudkan. Setahu saya tidaklah digalakkan juga yang bank-bank yang ditubuhkan di luar Malaysia diadakan branchesnya di

sini. Cawangan-cawangan itu baiklah di-bahagi kepada bank-bank yang diperbadankan di Malaysia.

Tuan Haji Mohammed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan hal ini, saya ambil ingatan dan perkara ini akan di kaji.

Berkenaan dengan interpretation Clause 9 iaitu berkenaan dengan perkataan merchant bank. Jadi pada masa ini iaitu ada 3 bukan 5 ataupun 6 sebagai yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi—mercant bank di dalam negeri ini. Jadi mereka ini menjalankan perniagaan banknya sebagai yang diaturkan ataupun ditunjukkan (prescribe) oleh Bank Negara.

Clause 20 iaitu Kunci kira-kira yang diodit satu salinannya dihantar kepada Menteri Kewangan sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang ini. Jadi Yang Berhormat itu mengesyorkan supaya kunci kira-kira ini juga diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan. Sebagaimana kita mengetahui orang ramai tidak membaca Warta Kerajaan ini dan kebanyakannya membaca surat-surat khabar sahaja, kecuali orang-orang yang berkenaan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat, itu pun saya fikir banyak juga daripada kawan kita tidak membaca Warta Kerajaan ini. Peguam haruslah membacanya dan beberapa pihak yang berkenaan. Mass media yang senang ialah akhbar-akhbar, jadi sebab itulah diperuntukan supaya kunci kira-kira diisytiharkan di dalam akhbar-akhbar yang orang ramai boleh mengetahui dengan seluas-seluasnya, walau macammanapun, perkara ini kita ambil ingatan, kita akan kaji implikasinya dan sebagainya.

Berkenaan dengan Fasal 27 iaitu pinjaman kepada pengarah-pengarah ini. Peruntukan ini bukanlah hendak mendiskriminasi antara pengarah-pengarah rakyat negara ataupun pengarah-pengarah luar negara. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui bank-bank yang ditubuhkan luar negara cuma ada cawangan-cawangan sahaja disini, bukan bank di establish di dalam negara kita, cuma cawangan sahaja. Cawangan yang besar-besar ialah di negara masing-masing. Jadi tentulah diskriminasi ini tidak berbangkit pada hemat saya.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, untuk penjelasan. Di bawah peruntukan Fasal 27, ini bukannya sahaja kepada pengarah-pengarah. Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sedar iaitu Fasal 27 ini melibatkan bukan sahaja kepada pengarah-pengarah, tetapi juga kepada (b) nya itu yang rasa saya penting: "Kepada mana-mana firma atau perbadanan yang mana-mana daripada pengarahnya adalah seorang kongsi, pengarah, pengurus atau ejen atau kepada mana-mana perbadanan yang didalam syor-syornya yang mana-mana pengarahnya ada mempunyai kepentingan".

Ini, rasa, saya yang besar sekali barangkali tidak mungkin yang pengarah Chartered Bank yang duduk di England itu datang hendak pinjam duit kesini, tetapi ada kemungkinan yang bank-bank di Singapura yang juga menjadi pengarah-pengarah yang ada trading activities di sini bank itu juga pergi—ini yang saya maksudkan. Besarnya di antara bank-bank di Singapura terutama sekali yang saya maksudkan di sini. Inilah rasa saya bila kita pandang dengan halus, saya nampak diskriminasi itu memang ada. Jadi makanya pengarah-pengarah bukan sahaja bank, tetapi pengarah-pengarah company yang mana pengarah bank di sini ada kaitannya mereka tidak boleh, tetapi kalau pengarah di Singapura ada juga trading activitiesnya di sini, dia pada pendapat saya Fasal 27 ini tidak terkena pada mereka. Rasa saya itu tidak adil.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, perkara ini saya ambil ingatan dan kita akan mengkaji lebih halus lagi.

Berkenaan dengan Fasal 29—batasan mengenai overderaf atau lain-lain kemudahan kredit bagi maksud membiayai pembelian atau pemegangan syer-syer. Perkara ini ialah memasuki semua syer-syer samada public, yang disenaraikan dalam stock exchange ataupun private limited companies.

Fasal 44, iaitu permohonan Mahkamah, Bank Negara boleh membuat permohonan pada bila-bila masa sebelum mulanya. Masa ini adalah terpulang di atas discretion Governor Bank Negara, atau pihak yang berkuasa Bank Negara dan saya percaya perkara ini akan ditimbang dengan sehalusnya dan itulah sebelum di bawa

kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan tentulah kedua-dua ini memikirkan sampailah masanya untuk perkara ini dibawa semua untuk hendak menjaga kebajikan pengguna-pengguna bank tadi, ataupun customers ataupun orang-orang yang menyimpan wang dalam bank.

Fasal 59, iaitu samada Undang-undang ini mengenakan kawalan-kawalan ke atas Co-operative Bank ataupun Bank Pertanian, memangnya tidak ada tujuan untuk Undang-undang ini dikenakan kepada Co-operative Bank ataupun Bank Pertanian, tetapi Sub-clause 2 empowers the Minister to exempt such banks from the provision of the Banking Laws under certain terms and conditions. Fasal 59 itu memberi kuasa kepada Menteri mengecualikan bank, samada Bank Pertanian dan juga Bank Syarikat Kerjasama ini terkeluar daripada peruntukan Undang-undang yang kita bincangkan sekarang.

Sekarang saya suka menjawab berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan. Senator Datuk Nik Hassan menyentuh mengenai kapital bagi bank-bank Melayu dikurangkan supaya orang-orang Melayu akan digalakkan membuat syarikat bank. Ini agak susah dijalankan, oleh kerana tiap-tiap sebuah bank itu patut ada kapital yang agak banyak supaya mendapatkan kepercayaan penyimpan-penyimpan wang. Walau bagaimanapun Kerajaan dan Bank Negara sedang menjalankan beberapa kaedah supaya banyak lagi orang-orang Melayu dan anak bumiputra masuk di bidang bank, bukan sahaja sebagai pekerja, tetapi juga sebagai orang-orang yang menyimpan wang dalam bank.

Mengenai Kerajaan-kerajaan Negeri menyimpan wang di Bank Bumiputra; ini sedangpun dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan tidak payah dikeluarkan arahan oleh Perbendaharaan Persekutuan. Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan menggunakan Bank Negara untuk semua urusan.

Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan hendak mengetahui secara detail; itu sukarlah sedikit bagi kami memberi detail-detail, tetapi 50% daripada total deposit bagi Bank Bumiputra adalah daripada Pejabat-pejabat Kerajaan dan Perbadanan-

perbadanan Kerajaan. Lebih daripada 50% daripada wang deposit dalam Bank Bumiputra adalah wang daripada Kerajaan-kerajaan dan juga Perbadanan-perbadanan Kerajaan.

Itulah sahaja penjelasan saya, Tuan Yang di Pertua, terhadap teguran-teguran yang dibuat dan saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 63 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bertajuk "Satu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958" dibaca bagi kali kedua.

Saya telahpun mengemukakan kepada Dewan ini suatu Akta yang mengandungi undang-undang baru untuk melesen dan mengatur perniagaan bank sebagai sebahagian dari usaha untuk mengadakan satu sistem bank yang sempurna dan maju. Bill di hadapan majlis ini ialah untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958 dan adalah melengkapkan dalam beberapa hal akan pindaan-pindaan dan peruntukan-peruntukan baru dalam Bill Bank yang telah dikemukakan terawal dari ini.

Kesempatan ini adalah diambil juga untuk membuat pindaan-pindaan tertentu pada Ordinan Bank Negara Malaysia yang didapati perlu. Pindaan-pindaan penting kepada Ordinan utama seperti berikut:

Pertama: Fasal 29 undang-undang yang ada menghendaki Bank Negara mengadakan cadangan harta asing tidak kurang dari 35% dari tanggungan simpanan. Oleh kerana tanggungan ini pada biasanya tanggungan wang ringgit Malaysia, maka tidak ada keperluan mengadakan cadangan harta luar terhadap tanggungan-tanggungan itu. Oleh yang demikian Bahagian peruntukan ini telah dibatalkan

Kedua: Peruntukan Fasal 30 yang ada membenarkan Bank Negara untuk memberi pinjaman bagi tujuan membantu pertubuhan atau pemasaran barang-barang utama (primary produce), kepada pihak-pihak berkuasa berkanun dan syarikat-syarikat kerjasama yang menjalankan kegiatan-kegiatan ladang, pertanian perkebunan, ternakan, atau perikanan. Memandangkan kepada policy Kerajaan untuk mempercepat pembangunan perusahaan, maka adalah dikehendaki supaya Bank Negara diberi kuasa untuk memberi pinjaman kepada badan-badan berkanun yang dibentuk dengan tujuan membiayai pembangunan perusahaan dan ekonomi dalam negara kita ini.

Ketiga: Pada masa ini, apa-apa yang wajib yang dikenakan ke atas bank-bank mestilah dikenakan secara sama bagi semua bank. Keadaan mungkin timbul bilamana patut Bank Negara menghendaki kumpulan bank-bank tertentu supaya mengadakan kadar cadangan yang lebih tinggi atau rendah dari bank-bank lain. Bank-bank Pusat yang lain juga berkuasa mengenakan cadangan wajib yang berbeza-beza untuk lain-

lain bank mengikut kecil besarnya atau letak tempat bank-bank itu. Oleh itu peruntukan baru telah dimasukkan ke dalam Fasal 37 dan 39 untuk memberi kuasa kepada Bank Negara membuat perakuan atau mengeluarkan arahan-arahan menentukan kadar cadangan yang berbeza-beza untuk golongan bank yang berlainan-lainan, golongan-golongan ini ditentukan oleh Bank Negara mengikut besar-kecilnya bank-bank itu atau letak tempatnya atau kedua-dua sekali.

Keempat: Peruntukan Fasal 41 yang ada sekarang menghalang Bank Negara dari mengeluarkan arahan-arahan yang berbeza-beza antara bank-bank berkaitan dengan polisi pinjaman mereka. Adalah perlu supaya lain golongan-golongan bank ditentukan kadar yang berlainan bagi simpanannya atau pinjamannya atau pendahuluannya untuk tujuan-tujuan membiayai, misalnya, perniagaan-perniagaan dan perusahaan-perusahaan kecil, yang ditetapkan oleh Bank Negara. Peruntukan seperti ini akan membolehkan Bank Negara memajukan objektif-objektif Kerajaan selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua.

Kelima: Fasal 42 membenarkan Bank Negara memberi pinjaman dan pendahuluan kepada Bank yang berlesen, jika difikirkan bahawa tindakan itu perlu untuk menjaga kesetabilan kewangan. Oleh kerana Syarikat Meminjam berlesen, menjalankan kegiatan mengikut Akta Syarikat Meminjam, 1969, adalah juga di bawah pengawasan dan pengawalan Bank Negara, maka sepatutnya juga terdapat peruntukan memberi kuasa kepada Bank Negara memberi

pinjaman-pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan kepada syarikat meminjam yang berlesen dengan bersandar kepada bentuk cagaran sebagaimana yang Bank Negara fikirkan cukup, jika tindakan itu dijangkakan perlu untuk menjaga kesetabilan kewangan.

Keenam: Di bawah undang-undang yang ada sekarang, sebuah bank akan dikehendaki dihadapkan ke mahkamah kerana melanggar sebarang peruntukan Ordinan Bank Negara Malaysia. Ini akan mengakibatkan publisiti tidak sedap bukan sahaja pada bank itu tetapi juga pada sistem bank seluruhnya. Peruntukan baru ini akan membolehkan Bank Negara menghukum secara compound apa-apa kesalahan di bawah Ordinan ini dengan mengenakan denda pada bank yang bersalah tanpa membawanya ke mahkamah.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang ini dengan harapan bahawa Bank Negara dengan pindaan yang baru ini akan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berlainan daripada yang telah berjalan semenjak berpuluh-puluh tahun itu, dan sekali lagi saya suka menyatakan harapan orang Melayu, bumiputra kepada bantuan dan sokongan daripada Bank Negara yang mana telah mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu di bawah pindaan-pindaan yang baru ini.

Juga saya menyeru kepada Bank Negara supaya membanyakkan latihan-latihan supaya dapatlah bumiputra dengan banyaknya keluar daripada latihan-latihan itu yang akan mengambil kerja dalam bank-bank menjadi pengurus-pengurus dalam bank-bank di negara kita ini dan bagi untuk menunjukkan contoh kepada bank lain, saya minta Bank Negara itu mengambil lebih banyak

bumiputra bekerja dalam pejabatnya, sebab saya tengok di Bank Negara ini nombor satu, nombor dua sahaja Melayu atau bumiputra, yang bawah itu sudah bercampur-aduk barangkali tak ada 10% yang bumiputra.

Saya harap ini patut dikaji balik supaya dapat bumiputra lebih banyak bekerja dalam Bank Negara. Sekiranya Bank Negara itu sendiri tidak mempunyai jumlah bumiputra bekerja dengan seimbang, bagaimana kita hendak menguatkuasakan kepada bank-bank perdagangan yang lain. Jadi ini perlu diperbaiki kedudukan pengimbangan dan barangkali boleh jadi bumiputra yang pandai-pandai, yang graduate yang masuk dalam Bank Negara ini dia bekerja tak lama kemudian dia lari keluar, pergi cari kerja yang lebih sesuai dengan perasaan dia, barangkali kerana gaji di Bank Negara itu tak cukup. Saya dengar juga bisek-bisek gaji di Bank Negara ini rendah berbanding dengan firma-firma yang lain yang memberi tawaran gaji yang baik. Jadi saya hendak minta supaya Bank Negara mengkaji balik tanggungaji Bank Negara itu dan memberikan gaji dan kemudahan-kemudahan yang lebih menarik kepada pekerja-pekerja, khasnya supaya dapat kita banyakkkan bumiputra yang baru keluar daripada universiti bekerja dalam Bank Negara dalam tempat yang boleh memberi practical training kepada mereka dalam hal kewangan negara kita. Jadi ini sahajalah pandangan saya kepada pihak yang berkuasa.

Dr Mahathir bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan Rang Undang-undang Tambahan ini, saya ingin menarik perhatian kepada satu seksyen yang mana pihak Bank Negara boleh mengenakan denda kepada mana-mana bank yang membuat kesalahan dengan secara tertutup supaya dapat kita memelihara banking system dalam Malaysia ini.

Saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan kejadian beberapa tahun dahulu, yang mana satu bank yang terbesar di Malaysia ini telah terlibat di dalam satu perkara yang kurang baik, yang mengakibatkan kebanyakan daripada orang-orang yang menyimpan wang dalam bank itu berderet untuk menarik keluar wang mereka yang ada di dalam bank ini.

Tindakan yang diambil oleh Bank Negara pada masa itu ialah dengan cara membantu bank ini sebagai membuat guarantee kepada bank yang terlibat di dalam kesalahan ini. Bukan sahaja Bank Negara membuat guarantee ini supaya orang-orang yang menyimpan di dalam bank ini tidak ketakutan, tetapi akhirnya pihak Kerajaan sendiri telah membeli saham yang banyak di dalam bank ini sebanyak \$30 juta. Oleh kerana tindakan ini maka saham bank ini telah meningkat 4 kali ganda harganya di dalam pasaran. Bermaknalah orang-orang yang memegang saham di dalam bank ini dapat kekayaan yang lumayan akibat tindakan Kerajaan. Tetapi, orang yang memegang saham inilah, orang yang memegang saham yang terbanyak sekali di dalam bank inilah yang membuat kerja yang salah. Oleh kerana tindakan Kerajaan ini bukan sahaja ianya tidak dikenakan denda atau pun apa-apa hukuman keatasnya, sebaliknya tindakan Kerajaan ini memperkayakan orang yang salah ini, iaitu syer yang di pegang olehnya pada satu ketika dianggap lebih kurang \$5 juta hingga \$15 juta, sekarang ini menjadi \$60 juta akibat tindakan Kerajaan. Bukan sahaja ianya tidak dihukum ianya ditolong menjadi kaya lagi dengan kerana guarantee yang diberi oleh Bank Negara dan juga pembelian syer oleh pihak Kerajaan.

Dengan adanya syeksyen yang baru ini bolehkah kita percaya bahawa syeksen ini mencukupi supaya keadaan yang semacam ini tidak terjadi lagi iaitu Kerajaan menghukum orang yang salah itu dan tidak membenarkan ianya mengambil bahagian, kerana kejadian-kejadian ini terjadi oleh kerana tindakan diri seorang. Kita tidaklah ingin melihat bank ini menjadi bankerap dan merugikan orang-orang yang menyimpan wang di dalam bank ini, tetapi orang yang melakukan kesalahan di dalam bank ini patutlah dihukum supaya ianya terkeluar daripada bank ini dan tidak lagi mendapat faedah daripada bank ini. Seksyen ini tidak dapat menunjukkan bahawa perkara ini tidak akan terjadi lagi iaitu orang yang salah diberi sokongan oleh Kerajaan. Betul sokongan itu diberi kepada bank, tetapi ianya sebagai pemegang saham telah dapat kekayaan oleh kerana guarantee yang dibuat oleh Bank Negara dan juga pembelian saham yang dibuat oleh Kerajaan. Saya berpendapat bahawa sekisyen ini tidak begitu terang dan

jelas supaya ianya tidak menimbulkan peristiwa seperti yang terjadi di dalam beberapa tahun dahulu. Sekianlah teguran yang saya ingin buat dan pada umumnya saya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, sukalah saya menarik perhatian berkenaan Rang Undang-undang ini iaitu satu Akta bagi meminda Ordinan Bank Negara Malaysia. Manakala saya telah mendengar penerangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi di dalam membawa Rang Undang-undang ini yang mana banyak bantuan-bantuan yang akan diberi kepada rakyat Malaysia ini atau bantuan melalui Bank Negara.

Saya percayalah atas tujuan Kerajaan pada hari ini iaitu melancarkan satu rancangan ekonomi bagi Malaysia kita ini. Jadi tentulah bagi pihak bumiputra akan dapat mengambil bahagian yang lebih giat lagi di dalam bidang ekonomi. Pada masa dahulu kita katakan cawangan-cawangan bank yang dikuasai oleh Kerajaan seperti mana Bank Bumiputra yang ada cawangan di seluruh Malaysia ini, memberi bantuan kepada bumiputra ini kuasa-kuasa yang ada pada pengurus-pengurus itu adalah terhad sahaja yang mana bumiputra yang baru hendak berniaga tentulah segala-galanya tidak ada pada bumiputra itu, cagaran atau lain-lain perkara yang dikehendaki oleh bank hanya boleh memberi bantuan sebanyak \$500 atau \$1,000. Ini adalah satu perniagaan yang kecil sahaja, padahal perniagaan yang besar tidaklah dapat ditubuhkan kerana pemohon ini terpaksa dikenakan cagaran yang cukup dan terkadang-kadang terlambat kelambatan meluluskan permohonan untuk mendapatkan pinjaman.

Dengan adanya tambahan Rang Undang-undang Bank Negara ini yang akan memberi bantuan kepada bumiputra, maka saya berharap terutama sekali kita tahu banyak belia-belia kita yang telah pun keluar daripada latihan-latihan ingin mendapatkan bantuan seperti mana latihan daripada bidang perniagaan yang bermacam jenis yang berkehendak kepada modal.

Kita berharap kepada belia-belia dan Bank Negara juga akan membuat perhatian supaya memberi pinjaman yang mudah sekali yang mana belia-belia itu telah keluar daripada sekolah atau daripada latihan yang berkehendakkan kewangan untuk membuat perniagaan. Mereka ini tidaklah ada sebagaimana yang dikehendaki iaitu dapat menunjukkan perniagaan mereka kepada bank dan begitu juga setengah daripadanya yang tinggal di luar bandar yang kebanyakannya tidak mempunyai harta-harta tetap. Jadi susahlah untuk mendapatkan pinjaman.

Kepada belia-belia inilah kita harap pihak Bank Negara akan menyalorkan pinjaman dengan kemudahan di atas permohonan mereka itu. Kerana rungutan ini kita telah dapat bahawa belia ini ketinggalan di dalam urusan perniagaan disebabkan kurang modal.

Kita tahu di dalam negara kita ini bahawa saluran-saluran bank iaitu sebagaimana bank rakyat dan bank Bumiputra, bank pertanian dan bank kerjasama yang mana inilah yang banyak ditumpukan pinjaman, tetapi kita nampak hari ini pinjaman kepada belia kita tersangat ketinggalan. Dengan adanya tambahan Rang Undang-undang ini kita berharaplah kepada Bank Negara Malaysia ini sebagaimana dalam kita meluluskan Rang undang-undang ini akan memberikan sepenuh-penuhnya bantuan kepada belia-belia.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab soalan daripada Datuk Nik Hassan yang mengatakan kakitangan dalam Bank Bumiputra pada hari ini sangatlah sedikit golongan bumiputra.

Sebenarnya, bagi pengetahuan beliau dan juga Ahli Yang Berhormat sekalian hampir-hampir 60% daripada kakitangan baik daripada bawah hingga ke atas adalah daripada orang Melayu atau bumiputra, juga ketua-ketuanya dalam bahagian-bahagian dalam bank Bumiputra itu juga mengandungi anak bumiputra dan juga orang-orang bukan bumiputra. Berkenaan dengan latihan

Dr Mahathir bin Mohamed: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri maksudkan Bank Bumiputra atau Bank Negara?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya maksudkan Bank Negara 60% kakitangannya adalah bumiputra. Begitu juga ketua-ketua-

nya mengandungi bumiputra dan yang tidak bumiputra. Berkenaan dengan latihan Bank Negara mengadakan kursus-kursus untuk kakitangannya dan juga Bank Negara telah juga memberi arahan kepada bank-bank lain commercial bank untuk mengadakan kursus dan latihan kepada kakitangannya dan perkara ini sedang dijalankan oleh bank-bank dalam negara kita. Cuma saya hendak maklumkan kepada Dewan ini iaitu tentang anak bumiputra diberi latihan, tetapi dengan sebab di pasaran luar sangat hebat berkehendakkan anak bumiputra yang terlatih pun banyak keluar. Saya jumpa dengan Pengurus Besar bank tadi yang banyak cawangan di negara kita ini beliau menyatakan kepada saya, banyaklah dia beri latihan beberapa tahun dan sudah cukup. Sayangnya, apabila cukup latihan, maka anak Melayu terpaksa keluar mencari di pasaran yang lain yang harus lebih lumayan dengan sebab mereka kata dengan bahasa kasarnya, sangat laku pada masa ini. Walau bagaimanapun, semua bank yang berniaga dalam negara kita ini sedang cuba dengan seberapa boleh untuk mengikuti dasar Kerajaan pada hari ini. Berkenaan dengan pengambilan anak Melayu di bank-bank dalam negeri kita.

Teguran yang dibuat oleh Dr Mahathir tadi, saya boleh memberi akuan iaitu tujuan undang-undang ini diperuntukkan supaya perkara yang berlaku itu tidaklah lagi akan berlaku pada masa akan datang. Kalau sekiranya ahli-ahli pegang saham membuat kesalahan, jadi tidaklah lagi mereka dapat memegang saham.

Sekianlah penjelasan saya atas tegoran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan, iaitu suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk menurunkan cukai minima pembangunan daripada \$500 ke \$100 kepada syarikat-syarikat yang mempunyai modal yang dibayar pada penghujung tahun asas tidak melebihi \$50,000, dan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai modal yang telah dibayar tidak melebihi \$100,000 cukai pembangunannya diturunkan daripada \$500 kepada \$250 sahaja. Seperti yang telah dihuraikan dalam ucapan Belanjawan pada 6hb Disember, 1972 dahulu tujuan penurunan ini ialah untuk meringankan kesusahan-kesusahan yang dialami oleh syarikat-syarikat kecil terutama syarikat-syarikat bumiputra.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Saya berasa gembira, kerana Menteri yang berkenaan telah menurunkan cukai kepada badan-badan perusahaan bumiputra yang didapati modalnya amat kecil. Di samping itu, Tuan Yang di Pertua, suka saya mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan agar dapat menurunkan bagi pendapat saya cukai yang dikenakan atau pengecualian yang telah ditetapkan kepada pegawai-pegawai yang memakan gaji. Kita sama-sama tahu Kerajaan telah mengecuali cukai khasnya yang mendapat gaji \$2,000 yang lebih dikenakan cukai bagi lelaki dan

\$1,000 bagi perempuan termasuk tiga orang anak memandangkan kepada keadaan barang-barang dan sebagainya telah naik, maka saya berpendapat, ketetapan yang dibuat pada beberapa tahun lepas tidaklah begitu sesuai lagi dengan barang-barang hari ini. Oleh itu, saya mencadangkan yang \$2,000 itu dinaikkan \$3,000 bagi lelaki dan \$1,000 kepada \$3,000 bagi perempuan. Bukanlah saya sokong perempuan, tetapi barang emas mahal dan setengah-setengah menanggung anak, jadi kalau \$1,000 sahaja dikecualikan hari ini adalah tidak patut. Berkenaan dengan anak, Tuan Yang di Pertua, kita sama-sama tahu hari ini seolah-olah kita menetapkan seorang itu tidak boleh lebih daripada 5 orang beranak, padahal kita berkehendakkan rakyat. Oleh itu, hendaklah kita ubah daripada 5 orang yang dikecualikan kepada 7 orang.

Berkenaan dengan bank pula, sebagaimana kata Dr Mahathir tadi, nampaknya Kerajaan kita hari ini kadang-kadang orang yang salah kita tolong, tetapi orang yang benar dan terlampau jujur kena banyak. Kedai-kedai yang besar seperti kata Dr Mahathir tadi membuat beberapa buku kira-kira, sekurang-kurangnya dua buku dan dia buat kira-kira supaya tidak kena cukai. Saya harap kepada Kerajaan cukai yang dilarikan oleh pekedai itu diawasi dengan betul walaupun mereka ada beberapa buku.

Pada hari ini kita dukacita yang pegawai-pegawai Kerajaan tadi gaji mereka sudah ditetapkan oleh Kerajaan, mereka tidak berupaya hendak lari. Kalau pegawai-pegawai yang mendapat gaji \$350 ataupun misalnya katalah \$450 sebulan, dia mendapat gaji tetap, semua orang tahu. Jadi dia walau macam manapun terpaksa dipotong gajinya. Walhal yang dia dapat itu tidaklah sebanyak yang didapati oleh pekedai-pekedai yang pada hari ini kita dapat tahu yang membuat berbagai-bagai buku, tujuannya untuk melarikan diri daripada cukai yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Dengan sebab itu, Tuan Yang di Pertua, di samping saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya haraplah sangat sebagaimana kata Dr Mahathir tadi, bukanlah sebabnya segala segi kita ini orang yang salah kadang-kadang kita tolong, orang yang benar kena teraniaya, jadi hendaklah kita mengawasi dengan sebenarnya.

Sekianlah, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tuan Shaari bin Jusoh itu adalah berkenaan dengan menaikkan sehingga \$3,000 daripada \$2,000. Inipun telah dibangkitkan dalam Dewan Rakyat dan telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Jadi perkara ini berkenaan dengan personal relief, sebenarnya perkara ini tidak berkait dengan Bill yang ada pada hari ini. Ini personal relief, kita bincangkan berhabit dengan Development Tax sahaja.

Walau macam manapun, bagi memuaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu, saya fikir perkara ini sudah lama pun dibangkitkan dan Kerajaan belum lagi mencadangkan meninggikan angka ini. Tetapi bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, pegawai-pegawai Kerajaan, saya fikir tidaklah bersungut (*grumble*) berkenaan dengan cukai terhadap personal relief tadi, kerana orang-orang kampung yang membayar hasil tanah itupun kena bayar cukai juga. Itulah bagi faedah untuk mendapatkan wang negara yang lebih banyak, tiap-tiap orang patutlah membayar cukai. Jadi saya percaya pegawai-pegawai Kerajaan ini pada hari ini telahpun dinaikkan gaji dengan lebih tinggi lagi, tentulah mereka juga sama-sama untuk hendak campur sama dengan orang-orang kampung dan rakyat jelata semua untuk membayar cukai, untuk menambahkan pendapatan negara kita memerlukan wang yang banyak bagi membuat kemajuan dan kebajikan untuk faedah rakyat dan negara kita.

Berkenaan dengan sungutan beliau iaitu orang yang salah yang selalu ditolong itu adalah tidak benar, terutama sekali pekedai-

pekedai atau peniaga-peniaga yang telah menyimpan dua tiga macam buku kira-kira itu, memang bagi pihak Jabatan Hal Dalam Negeri sentiasa mengawasi hal ini dan kalau-lah Ahli Yang Berhormat itu mengetahui silalah beritahu kepada Kementerian Kewangan ataupun kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya kedai-kedai yang berkenaan dapat dijelajah ataupun dilawati oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Itu sahajalah penjelasan saya, Tuan Yang di Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 dipersetujui menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 20hb Februari, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.